



Terma Rujukan

RANCANGAN TEMPATAN
DAERAH KUBANG PASU, KEDAH

2035

[Penggantian]



Disediakan oleh :

**BAHAGIAN RANCANGAN PEMBANGUNAN
PEJABAT PROJEK ZON UTARA
JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA
SEMANAJUNG MALAYSIA**

PLANMalaysia | Perancangan Melangkaui Kelaziman
Planning : Beyond Conventional

24 NOVEMBER 2016

ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT

BAHAGIAN 1 :

1.0	LATAR BELAKANG PROJEK	1
1.1	Pengenalan	1
1.2	Tujuan Projek	1
1.3	Fungsi dan Kandungan RT Daerah Kubang Pasu, Kedah 2035 (Penggantian)	2
1.4	Keperluan Rancangan Tempatan (Penggantian)	2
1.4.1	Sesi Publisiti Awal Focus Group Discussion [FGD] dan Technical Working Group [TWG]	5
2.0	KERANGKA STRATEGIK PERANCANGAN	7
2.1	Wawasan	7
2.2	Matlamat	7
2.3	Objektif	7
2.4	Outcome	8
2.5	Bidang dan Skop Projek	8
2.5.1	Bidang dan Skop Projek	8
2.6	Pendekatan dan Model Perancangan	10
2.7	Rangka Kerja Operasi	11
2.8	Output yang Dijangka	13
2.9	Penglibatan Awam	13
2.10	Stakeholders dan Penerimaan Faedah	15
3.0	MAKLUMAT ASAS KAWASAN PROJEK	16
3.1	Lokasi Projek	16
3.1.1	Penduduk Daerah Kubang Pasu	17
3.1.2	Gunatanah Semasa dan Topografi Daerah Kubang Pasu	17
3.1.3	Sistem Perhubungan	21
3.2	Pembangunan Kawasan Sekitar / Bersempadan	21
3.2.1	Bandaraya Alor Setar	22
3.2.2	Pekan Dannok, Thailand	23
3.2.3	Padang Besar, Perlis	23
3.3	Isu dan Prospek Awal	24
3.3.1	Isu-isu Perancangan	24
3.3.2	Prospek / Potensi Awal Projek	25

ISI KANDUNGAN	MUKA SURAT
4.0 KOS SILING PROJEK	26
5.0 JUSTIFIKASI PROJEK	26
6.0 SENARAI PROJEK BERKAITAN	28
6.1 KERANGKA PERINGKAT NASIONAL	31
6.1.1 Rancangan Malaysia ke Sebelas (RMK 11)	31
6.1.2 Rancangan Fizikal Negara Ke-3 (RFN3)	31
6.1.3 Dasar Pelancongan Negara	32
6.1.4 Bidang Keberhasilan Utama Negara (Nasional Key Result Areas-NKRA)	33
6.1.5 Dasar Perbandaran Negara Ke-2 (DPN2), 2016	34
6.2 KERANGKA PERINGKAT NEGERI	35
6.2.1 Rancangan Struktur Negeri (RSN) Kedah, 2002-2010	35
6.2.2 Program Transformasi Ekonomi (ETP)	36
6.2.3 Pelan Transformasi Negeri Kedah (2015-2018)	36
6.2.3.1 Sektor Modal Insan	36
6.2.3.2 Sektor Pertanian	37
6.2.3.3 Sektor Pembangunan Perbandaran	37
6.2.4 Muafakat Kedah	37
7.0 JUSTIFIKASI KEPERLUAN PERKHIDMATAN PERUNDING	37
8.0 PERANCANGAN PROJEK	38
8.1 TEMPOH PROJEK	38
8.2 PERINGKAT PROJEK	38
8.2.1 Laporan Pendekatan	38
8.2.2 Laporan Analisis dan Strategi Pembangunan	39
8.2.3 Laporan Draf Rancangan Tempatan	40
8.2.3.1 Jilid 1 : Peta Cadangan dan Pernyataan Bertulis	40
8.2.3.2 Jilid 2 : Garispanduan Kawalan Perancangan	41
8.2.3.3 Jilid 3 : Pengurusan dan Pelaksanaan	43
8.2.4 Laporan Akhir Draf Rancangan Tempatan	43
8.3 CARTA ALIR PROJEK	44
8.4 PROGRAM KERJA	45
8.5 STRUKTUR PENGURUSAN PROJEK	46

ISI KANDUNGAN**MUKA SURAT**

8.5.1	Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN) Kedah	46
8.5.2	Mesyuarat Majlis Penuh Majlis Daerah Kubang Pasu	46
8.5.3	Jawatankuasa Penyelarasan Teknikal (JPT)	47
8.5.4	Pasukan Projek	47
8.5.5	Pasukan Teras	47

BAHAGIAN 2 :

1.0	OBJEKTIF PELANTIKAN PERUNDING	54
2.0	SKOP PERKHIDMATAN PERUNDING	54
3.0	TEMPOH PERKHIDMATAN PERUNDING	68
4.0	KOS PERKHIDMATAN PERUNDING	68
4.1	KAEDAH PENETAPAN KOS PERKHIDMATAN PERUNDING	68
4.2	JADUAL PEMBAYARAN PERUNDING	68
5.0	OUTPUT PERKHIDMATAN PERUNDING	69
6.0	MAKLUMAT KEPADA PERUNDING	69
7.0	LAIN-LAIN KEPERLUAN PERUNDING	69

ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT

SENARAI RAJAH**BAHAGIAN 1 :**

Rajah 2.1	: Pendekatan Perancangan Strategik RT Daerah Kubang Pasu, Kedah 2035 (Penggantian)	11
Rajah 2.2	: Spektrum Penglibatan Awam dalam Strategik RT Daerah Kubang Pasu, Kedah 2035 (Penggantian)	14
Rajah 3.1	: Pelan Lokasi Daerah Kubang Pasu	19
Rajah 3.2	: Gunatanah Semasa Daerah Kubang Pasu, Kedah Tahun 2016	20
Rajah 8.1	: Kandungan LASP	39
Rajah 8.2	: Bentuk Dan Isi Kandungan Draf RT	40
Rajah 8.3	: Proses Penyediaan RT Daerah Kubang Pasu, Kedah 2035 (Penggantian)	44

SENARAI JADUAL**BAHAGIAN 1 :**

Jadual 2.1	: Sektor Utama Yang Dijalankan Secara <i>In-House</i> (30 %) oleh PPZU, JPBD SM	9
Jadual 2.2	: Sektor Utama Yang Dijalankan Secara <i>Out Source</i> (70 %) oleh Perunding	10
Jadual 2.3	: Rangka Kerja Operasi RT Daerah Kubang Pasu, Kedah 2015 (Penggantian)	12
Jadual 2.4	: Stakeholder dan Penerima Faedah dari RT Daerah Kubang Pasu, Kedah 2035 (Penggantian)	15
Jadual 3.1	: Mukim-Mukim Daerah Kubang Pasu	16
Jadual 6.1	: Model Analisis Strategik RT Daerah Kubang Pasu, Kedah 2035 (Penggantian)	28
Jadual 8.1	: Program Kerja Penyediaan RT Daerah Kubang Pasu, Kedah 2035 (Penggantian)	45
Jadual 9.1(a)	: Anggaran Kos Keseluruhan Perunding (Yuran dan Imbuhan Balik) RT Daerah Kubang Pasu, Kedah 2035 (Penggantian)	49
Jadual 9.1(b)	: Perincian Anggaran Kos Yuran Perunding RT Daerah Kubang Pasu, Kedah 2035 (Penggantian)	50
Jadual 9.1(c)	: Anggaran Kos Imbuhan Balik Perunding RT Daerah Kubang Pasu, Kedah 2035 (Penggantian)	51

ISI KANDUNGAN

MUKA
SURATSENARAI JADUAL

BAHAGIAN 1 :

Jadual 9.2	: Anggaran Kos Pengurusan RT Daerah Kubang Pasu, Kedah 2035 (Penggantian) - Peruntukan MDPK dan Kerajaan Negeri	52
Jadual 9.3	: Anggaran Kos Pengurusan Di bawah Peruntukan Belanja Mengurus (B43)	53
Jadual 9.4	: Peruntukan Keseluruhan Projek (Peruntukan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan MDPK)	53

BAHAGIAN 2 :

Jadual 2.1	: Skop Perkhidmatan Perunding Bagi RT Daerah Kubang Pasu, Kedah 2035 (Penggantian)	55
Jadual 4.1	: Anggaran Peringkat Pembayaran Input Perunding	68



Bahagian 1

LATAR BELAKANG PROJEK



1.0 LATAR BELAKANG PROJEK

1.1 | PENGENALAN

Nama projek ini adalah Rancangan Tempatan (RT) Daerah Kubang Pasu, Kedah 2035 (Penggantian). Majlis Daerah Kubang Pasu (MDKP) selaku Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang akan menggunakan hasil projek ini dalam perancangan dan pembangunan Daerah Kubang Pasu sehingga tahun 2035.

Mesyuarat Majlis Penuh Majlis Daerah Kubang Pasu (MDKP), Kedah Bil.6/2016 yang bersidang pada 30 Jun 2016 telah bersetuju mengenai perkara-perkara seperti berikut ;

- a. Meluluskan nama projek ini sebagai RANCANGAN TEMPATAN MAJLIS DAERAH KUBANG PASU, KEDAH 2035 (PENGgantian), dan
- b. Bersetuju mengadakan Publisiti Awal pada 16 Ogos 2016 bertempat di Dewan Wawasan, Jitra, Kedah Darul Aman.

Draf terma rujukan RT Daerah Kubang Pasu, Kedah 2035 (Penggantian) juga telah mengambil kira input daripada program Publisiti Awal (*Focus Group Discussion* dan *Technical Working Group*) yang telah diadakan pada 16 Ogos 2016.

1.2 | TUJUAN PROJEK

Tujuan penyediaan Terma Rujukan ini adalah sebagai:-

- a. Panduan bagi penyediaan RT Daerah Kubang Pasu, Kedah 2035 (Penggantian),
- b. Panduan kepada pihak Perunding untuk melaksanakan projek ini,
- c. Dokumen rujukan dalam menjelaskan kerangka kerja dan pendekatan dalam pelaksanaan projek; Dan
- d. Sumber utama dalam permohonan kos dan peruntukan kewangan serta perlantikan pihak perunding.

1.3 FUNGSI DAN KANDUNGAN RT DAERAH KUBANG PASU, KEDAH 2035 (PENGgantian)

RT Daerah Kubang Pasu, Kedah 2035 (Penggantian) mengandungi peta-peta dan pernyataan bertulis serta justifikasi untuk menerangkan cara melaksanakan cadangan-cadangan yang disediakan.

Fungsi-fungsi Rancangan Tempatan (Penggantian) termasuklah :-

- a. Menterjemah dasar-dasar peringkat Nasional, peringkat Negeri Kedah dan peringkat Daerah Kubang Pasu seperti Rancangan Struktur Negeri (RSN) Kedah (2002-2020),
- b. Menyediakan Pelan Pengezonan Gunatanah bagi tujuan kawalan pembangunan,
- c. Mengemukakan cadangan-cadangan sektoral, jadual kelas kegunaan tanah dan garis panduan khusus,
- d. Memberi peluang penglibatan golongan sasaran / *stakeholder* dalam perancangan pembangunan Daerah Kubang Pasu,
- e. Meminda zon guna tanah berdasarkan kepada kelulusan Tukar Syarat Tanah, Kebenaran Merancang dan pembangunan sedia ada dengan keperluan akan datang,
- f. Menilai semula kawasan pembangunan lama yang tidak ekonomik, kurang menarik, usang dan mencemar imej bandar terutama di Pusat Bandar Kubang Pasu; dan
- g. Mengambil kira perubahan dan dasar-dasar baru di peringkat Negeri dan Persekutuan.

1.4 KEPERLUAN RANCANGAN TEMPATAN (PENGgantian)

- a. Penyediaan RT Daerah Kubang Pasu, Kedah 2035 (Penggantian) adalah selaras dengan peruntukan Seksyen 16(1), Akta Perancangan Bandar & Desa 1976 (Akta 172) yang menyatakan :-
'Pihak Berkuasa Perancang Tempatan boleh pada bila-bila masa membuat cadangan untuk pengubahan, pembatalan atau penggantian sesuatu rancangan tempatan'
- b. Penyediaannya adalah berpandukan kepada Manual Rancangan Tempatan Edisi 2013 dan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001 : 2008
- c. Rancangan Tempatan Daerah Kubang Pasu terdahulu disediakan pada tahun 2002 dan diwartakan pada tahun 2011 didapati tidak selaras dengan pembangunan semasa terutamanya di kawasan pusat bandar dan kawasan pinggir bandar yang bersempadan dengan Daerah Kota Setar dan Pokok Sena.

- d. Data-data sedia ada tidak lagi tepat kerana berlaku perubahan guna tanah yang ketara. Penggantian Rancangan Tempatan ini amat perlu dijalankan sebagai asas dan panduan kepada perancangan pembangunan masa hadapan bagi Daerah Kubang Pasu yang pesat membangun.
- e. RT Daerah Kubang Pasu 2020 telah dibuat pengubahan pada tahun 2014. Walau bagaimanapun, kawasan liputannya adalah tidak menyeluruh hanya tertumpu kepada beberapa kawasan/BPK. Keadaan ini menyebabkan pangkalan data dan strategi pembangunan adalah tidak khusus kepada keseluruhan daerah sebaliknya lebih berbentuk *piece-meal*.

RANCANGAN TEMPATAN	(PENGUBAHAN) TAHUN 2014	Bilangan
Rancangan Tempatan Daerah Kubang Pasu 2020	Rancangan Tempatan Daerah Kubang Pasu 2020 (Pengubahan)	Melibatkan 37 pengubahan zoning dan penambahbaikan jadual kelas kegunaan tanah

Oleh itu, keperluan utama RT Daerah Kubang Pasu, Kedah 2035 (Penggantian) ini adalah menyelaraskan semula halatuju pembangunan Daerah Kubang Pasu selaras dengan trend pembangunan daerah bersempadan lain dalam bentuk perancangan yang lebih komprehensif.



Rancangan Tempatan Daerah Kubang Pasu Tahun 2014 (Penggubahan)

BLOK PERANCANGAN	GUNATANAH 2020 DIWARTA	GUNATANAH PENGUBAHAN
BLOK PERANCANGAN 1		
1.1	Kediaman	Perniagaan
	Perniagaan	Perniagaan & Kediaman
1.2	Kediaman	Perniagaan
	Industri	Perniagaan
1.3	Kediaman	Industri
	Kediaman	Perniagaan
1.4	Tanah Lapang & Rekreasi	Perniagaan
	Institusi	Kediaman
1.5	Institusi & Kemudahan Masyarakat	Kediaman
	Institusi	Kediaman
BLOK PERANCANGAN 2		
2.1	Kediaman	Perniagaan
	Perniagaan	Kediaman
	Kediaman	Perniagaan
	Kediaman	Industri
	Institusi	Kediaman & Institusi
	Perniagaan	Kediaman
2.2	Kediaman, Perniagaan	Kediaman, Perniagaan & Pertanian
	Kediaman	Industri
2.2 & 2.3	Tanah Lapang & Rekreasi	Perniagaan
	Industri	Pertanian
2.2	Industri	Institusi
	Kediaman	Industri
2.4	Institusi, Perniagaan & Kediaman	Kediaman & Perniagaan
	Kediaman	Institusi & Kemudahan Masyarakat
	Institusi & Kemudahan Masyarakat	Pertanian
BLOK PERANCANGAN 3		
3.2	Pertanian & Institusi	Kediaman
	Kediaman	Pertanian
3.1 & 3.4	Institusi & Kemudahan Masyarakat	Kediaman
	Kediaman & Institusi	Pertanian
BLOK PERANCANGAN 4		
4.1	Zon Gunatanah Di Pekan Kodiang	BPK 4.1 & 4.7
4.4	Institusi & Kemudahan Masyarakat	Kediaman
	Pertanian	Kediaman & Perniagaan
4.7	Pertanian	Institusi & Kemudahan Masyarakat
BLOK PERANCANGAN 5		
	Zon Gunatanah Di Pekan Jerlun	BPK 5.1 & 5.3
5.1	Pekan Air Hitam	
5.3	Zon Gunatanah Di Pekan Kerpan	
5.4	Zon Gunatanah Di Pekan Sanglang	
BLOK PERANCANGAN 6		
6.4	Pertanian	Kediaman

1.4.1 SESI PUBLISITI AWAL FOCUS GROUP DISCUSSION [FGD] DAN TECHNICAL WORKING GROUP [TWG]

Isu dan Masalah Kawasan RT Daerah Kubang Pasu, Kedah 2035 (Penggantian)

Rumusan isu dan masalah berkaitan Daerah Kubang Pasu ditentukan berdasarkan hasil maklumbalas pihak-pihak berkepentingan yang telah hadir semasa program Publisiti Awal yang telah diadakan pada 16 Ogos 2016. Rumusannya adalah seperti berikut :

BIL.	ISU / MASALAH STRATEGIK
1.	Sistem saliran dan perparitan tidak diselenggara dengan sempurna menyebabkan longkang-longkang tersumbat dan berlaku banjir ketika hujan lebat.
2.	Peningkatan kos sara hidup ketika ini disebabkan kenaikan harga barangan yang tidak setimpal dengan pendapatan menyebabkan rakyat kesusahan.
3.	Kesesakan Lalulintas akibat dari isipadu kenderaan yang tinggi terutamanya di waktu-waktu puncak di kawasan-kawasan tertentu seperti Changloon dan Pekan Jitra.
4.	Sistem pengangkutan awam yang tidak menyeluruh menyebabkan kemudakhampian ke sesuatu kawasan agak sukar. Contoh; tiada kemudahan pengangkutan dari UUM Sintok ke Stesen Keretapi/ETS Arau.
5.	Penyediaan rumah mampu milik yang masih kurang menyebabkan isu pemilikan rumah dikalangan penduduk adalah rendah.
6.	Kekurangan bekalan air dan tekanan air yang rendah akibat dari pertambahan pembangunan.
7.	Kekurangan program pembangunan modal insan bagi golongan remaja dan belia untuk menangani isu-isu sosial dikalangan mereka. Selain dari itu program kemahiran hidup perlu bagi belia-belia yang keciciran persekolahan untuk memudahkan mereka mendapat peluang pekerjaan.
8.	Pembinaan bangunan (kedai) di atas rezab kerajaan akibat kurang penguatkuasaan menyebabkan kesesakan lalulintas, pencemaran dan gangguan sistem saliran dan perparitan.

BIL.	ISU / MASALAH STRATEGIK
9.	Masalah pembuangan sampah di kalangan peniaga haram di merata tempat menyebabkan kawasan tersebut kotor dan tercemar.
10.	Kekurangan tempat letak kereta terutamanya di kawasan bandar.
11.	Kekurangan peruntukan kepada agensi dan jabatan kerajaan untuk melaksanakan projek-projek kesejahteraan rakyat. Kekurangan peruntukan juga menjejaskan kualiti perkhidmatan kerana kekangan kakitangan.
12.	Pembuangan sisa kumbahan dari kawasan perumahan terus ke sistem saliran dan pengairan menjejaskan hasil tanaman padi kerana tiada sistem perparitan yang sempurna dibina bagi kawasan-kawasan perumahan baru yang dibuat berdekatan kawasan pertanian.
13.	Jaringan jalan di dalam bandar adalah sempit dan sesak.
14.	Kelewatan proses Kebenaran Merancang menyebabkan perancangan pembangunan lewat dilaksanakan serta meningkatkan kos pembangunan.

2.0 KERANGKA STRATEGIK PERANCANGAN

2.1 | WAWASAN

Majlis Daerah Kubang Pasu telah membentuk wawasan untuk menjadikan :

"Daerah Kubang Pasu sebagai Hub Ilmu Yang Terunggul Di Wilayah Utara"

2.2 | MATLAMAT

"Merealisasikan Peranan Daerah Kubang Pasu Sebagai Hub Ilmu Yang Komprehensif Di Wilayah Utara Dengan Persekitaran Berkualiti , Berdaya Huni, Selamat Dan Harmoni"

2.3 | OBJEKTIF

- a. Merangka perancangan dan pembangunan fizikal yang menyeluruh dan efisien bagi memacu kehidupan yang berkualiti dan berdaya saing,
- b. Mengkaji dan menambahbaik potensi kawasan pembangunan di daerah Kubang Pasu dalam meningkatkan nilaitambah yang mapan,
- c. Menyelaras semula zon gunatanah agar seimbang dengan senario pembangunan semasa dan perancangan masa hadapan,
- d. Meningkatkan kemudahan sokongan, perkhidmatan dan institusi secara bersepadu, seimbang dan efisien,
- e. Memperbanyakkan institusi pendidikan secara berpusat melibatkan pendidikan akademik dan bukan akademik, dan
- f. Mengambilkira perubahan dasar-dasar baharu di peringkat Negeri dan Nasional.

2.4 | OUTCOME

- a. Menyediakan Dokumen Perancangan yang komprehensif sebagai rujukan utama pihak Majlis Daerah Kubang Pasu dan agensi pelaksana lain yang berkaitan.
- b. Menghasilkan peta cadangan gunatanah yang memandu arah pembangunan fizikal Daerah Kubang Pasu yang mampan melalui pematuhan terhadap kelas dan zon gunatanah.
- c. Memelihara kawasan sensitif alam sekitar ke arah keseimbangan Ekosistem dengan pengkalan kawasan hutan simpan kekal yang diwartakan.
- d. Menarik kemasukkan pelabur ke kawasan perindustrian Bukit Kayu Hitam dan menjana peluang pekerjaan sektor pembuatan di Daerah Kubang Pasu.
- e. Memudahkan pelaksanaan cadangan projek pembangunan yang menyokong Daerah Kubang Pasu sebagai Hub Ilmu Yang Komprehensif di Wilayah Utara menjelang tahun 2035.
- f. Menjadikan Majlis Daerah Kubang Pasu sebuah organisasi pentadbiran kerajaan Tempatan yang stabil melalui peningkatan sumber pendapatan berkaitan yang pelbagai.

2.5 | BIDANG DAN SKOP PROJEK

2.5.1 Bidang dan Skop Projek

Projek ini akan dijalankan secara bersama antara perunding yang akan dilantik dan pasukan teras yang akan diketuai oleh Pengurus Projek dari Pejabat Projek Zon Utara (PPZU) Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD) Semenanjung Malaysia dan dibantu oleh Majlis Daerah Kubang Pasu dan JPBD Negeri Kedah dengan nisbah 70:30 iaitu 70% oleh pihak perunding manakala 30% secara *in-house* oleh Pasukan Teras.

Pasukan Teras akan mengkaji satu (1) sektor secara penuh iaitu sektor Penilaian Kemampanan (*Sustainable Assessment*) manakala bagi sektor Perancangan Fizikal Dan Gunatanah, Pasukan Teras akan terlibat dalam menyediakan Peta Asas, Pelan Gunatanah Semasa dan Pelan Gunatanah Komited mengikut Metadata i-Plan sahaja. Manakala baki dua belas (12) sektor pula akan dijalankan oleh Pasukan Perunding.

Jadual 2.1: Sektor Utama Yang Dijalankan Secara *In-House* (30 %) Oleh PPZU, JPBD SM

BIL.	BIDANG PROJEK	SKOP PROJEK	OUTPUT UTAMA BIDANG
i.	Perancangan Fizikal Dan Gunatanah	• Mengemaskini data gunatanah semasa, dan • Mengemaskini data gunatanah menggunakan aplikasi GIS mengikut metadata i-Plan.	• Pelan Susunatur, Pelan Taburan Gunatanah Semasa dan Komited mengikut metadata i-Plan sahaja.
ii.	Penilaian Kemampanan (<i>Sustainable Assessment</i>)	• Menganalisa dan mengkaji isu-isu yang dikemukakan di dalam <i>Focus Group Discussion</i> (FGD) yang dijalankan, • Menentukan objektif kemampanan kawasan RT, • Menilai konsep pembangunan mampan dari segi ekonomi, sosial, fizikal dan alam sekitar melalui perancangan sumberjaya yang efektif, penggunaan sumber yang optimum dan penilaian cadangan-cadangan yang lebih berkesan, • Menentukan indikator kemampanan dan nilai status kemampanan sesuatu projek atau program dan memberi cadangan penambahbaikan, dan • Mencadangkan langkah-langkah ke arah pencapaian kemampanan yang menyeluruh.	• Asas Penilaian dan Indikator Kemampanan, • Penilaian Objektif Pembangunan RT, dan • Penilaian Keserasian antara Objektif Pembangunan dan Objektif Kemampanan RT.


Jadual 2.2: Sektor Utama Yang Dijalankan Secara Out Source (70%) Oleh Perunding

BIL.	BIDANG PROJEK	KEPAKARAN
i.	Perancangan Fizikal, Gunatanah dan Sistem Maklumat Geografi (GIS)	Perancang Bandar (Perunding akan terlibat dalam menyediakan Peta Cadangan Gunatanah, Unjuran, Analisis dan Cadangan berkaitan).
ii.	Penduduk, Sosio Ekonomi dan Modal Insan	Perunding Ekonomi dan Demografi
iii.	Perpektif Makro dan Pembangunan Kawasan Bersempadan	Perancang Bandar
iv.	Pertanian, Perdagangan dan Perindustrian	Perancang Bandar
v.	Infrastruktur dan Utiliti	Jurutera Awam
vi.	Rekabentuk Bandar, Pelancongan, Rekreasi dan Lanskap	Perancang Bandar/ <i>Urban Designer/Arkitek Lanskap</i>
vii.	Alam Sekitar dan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS).	Perancang Bandar
viii.	Perumahan, Kemudahan Masyarakat dan Institusi.	Perancang Bandar
ix.	Pengangkutan dan Lalulintas,	Perancang Pengangkutan
x.	Pengurusan dan Perlaksanaan	Perancang Bandar/ Perunding Penilaian

2.6 | PENDEKATAN DAN MODEL PERANCANGAN

- Projek ini akan menggabungkan pendekatan Model Perancangan Strategik yang berasaskan kepada penyelesaian masalah (*issue based*) dan visi (*vision based*),
- Pasukan projek akan menggunakan Pendekatan Kerangka Logik (*Logical Framework Approach*) dalam mengenalpasti masalah dan menetapkan objektif projek,
- Analisis persekitaran dengan menggunakan *Model Strategic SWOT/TOWS* bertujuan untuk membentuk strategi dan pelan tindakan yang bersesuaian dengan karektor dan ciri Daerah Kubang Pasu, dan
- Aspek utama yang akan diberi penekanan dalam projek ini adalah Penglibatan Awam dalam proses perancangan dan cadangan pemaian untuk memastikan komitmen pihak-pihak berkepentingan dan kedayalaksanaan projek/program.

**Rajah 2.1 : Pendekatan Perancangan Strategik
RT Daerah Kubang Pasu, Kedah 2035 (Penggantian)**



2.7 RANGKA KERJA OPERASI

Skop projek akan meliputi tujuh aspek utama yang diperuntukan di bawah Sub-Seksyen 12(3) Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976, Akta 172 iaitu ke arah mencapai sebuah pembangunan yang mapan bagi Daerah Kubang Pasu. Aspek-aspek ini akan membentuk kepada sektor dan bidang projek untuk RT Daerah Kubang Pasu, Kedah 2035 (Penggantian). Aspek-aspek tersebut adalah:-

- Pemajuan dan penggunaan tanah,
- Pemeliharaan dan memperelok alam sekitar dari segi fizikal bagi memelihara topografi dan memperelok landskap,
- Pemeliharaan dan penanaman pokok,
- Mengadakan kawasan lapang,
- Memelihara dan mengindahkan ciri dan rupa bangunan,
- Memperelok sistem komunikasi, dan
- Menguruskan lalulintas.

Jadual 2.3 : Rangka Kerja Operasi RT Daerah Kubang Pasu, Kedah 2035 (Penggantian)

MATLAMAT	OBJEKTIF	DIMENSI PERANCANGAN	SEKTOR PROJEK
“Merealisasikan Peranan Daerah Kubang Pasu Sebagai Hub Ilmu Yang Komprehensif Di Wilayah Utara Dengan Persekitaran Berkualiti , Berdaya Huni, Selamat Dan Harmoni”	a. Merangka perancangan dan pembangunan fizikal yang menyeluruh dan efisien bagi memacu kehidupan yang berkualiti dan berdaya saing	Institusi Pentadbiran Kompeten Perkhidmatan berdaya saing Hierarki Petempatan Rumah Mampu Milik Kemudahan yang sesuai	Sektor • Perancangan Fizikal dan Gunatanah • Penduduk, Sosio Ekonomi dan Modal Insan • Perspektif Makro dan Pembangunan Kawasan Bersempadan • Pertanian • Perdagangan • Perindustrian • Infrastruktur dan Utiliti • Rekabentuk Bandar dan Pelancongan • Rekreasi dan Landskap • Alam Sekitar Dan KSAS • Perumahan • Pengangkutan dan Pengurusan Lalulintas • Kemudahan Masyarakat dan Institusi, dan • Pengurusan Dan Perlaksanaan
	b. Mengkaji dan menambahbaik potensi kawasan pembangunan di daerah Kubang Pasu dalam meningkatkan nilai tambah yang mapan	Kawasan Bersempadan Pembangunan Lestari Pembangunan Bandar/ Luar Bandar Lokasi Pelancongan Kualiti Alam Sekitar	
	c. Menyelaras semula zon gunatanah agar seimbang dengan senario pembangunan semasa dan perancangan masa hadapan	Zon Khusus Kediaman/ Pertanian Imej dan fasad bangunan Pertumbuhan ekonomi	
	d. Meningkatkan kemudahan sokongan, perkhidmatan dan institusi secara bersepadu, seimbang dan efisien	Prasarana Lengkap Tahap Kemudahan Infrastruktur /Utiliti Sistem Komunikasi Terkini Sistem Pengangkutan/ Perhubungan Efektif	
	e. Memperbanyakkan institusi pendidikan secara berpusat melibatkan pendidikan akademik dan bukan akademik	Penyediaan Zon Khas Institusi Pendidikan Berpusat	

2.8 | OUTPUT YANG DIJANGKA

Output yang dijangkakan adalah:-


- a. Satu pelan pembangunan yang akan memandu dalam menjadikan Daerah Kubang Pasu sebagai Hub Ilmu Terunggul di Wilayah Utara yang Dinamik dan Sejahtera, dan
- b. Satu garis panduan dan kawalan pembangunan bagi Daerah Kubang Pasu.

2.9 | PENGLIBATAN AWAM

Penglibatan awam merupakan komponen penting dalam penyediaan dan pelaksanaan RT Daerah Kubang Pasu, Kedah 2035 (Penggantian). Tujuan penglibatan awam adalah untuk :-

- a. Meningkatkan *sense of ownership* di kalangan *stakeholder* terhadap Rancangan Tempatan melalui :-
 - i. mengambilkira aspirasi *stakeholder* terhadap arah tuju pembangunan masa depan Daerah Kubang Pasu,
 - ii. Berkongsi pandangan dan maklumat yang boleh menyumbang kepada rekabentuk Rancangan Tempatan, dan
 - iii. Membuat keputusan secara kolektif ke atas cadangan projek.
- b. Meningkatkan daya laksana Rancangan Tempatan dengan :-
 - i. Andaian dan *baseline* yang digunakan dalam projek ini dapat disahkan oleh *stakeholders*,
 - ii. Sasaran dan strategi yang realistik berdasarkan keupayaan *stakeholders* dan agensi pelaksana, dan
 - iii. Komitmen *stakeholder* ke atas inisiatif yang dirumus secara bersama.

Rajah 2.2 : Spektrum Penglibatan Awam dalam RT Daerah Kubang Pasu, Kedah 2035 (Penggantian)



2.10 | STAKEHOLDERS DAN PENERIMA FAEDAH

Stakeholders merupakan individu atau institusi yang secara langsung atau tidak langsung memberi kesan kepada projek. Mereka merupakan pelaksana, pembiaya, pakar dan pembuat keputusan.

Penerima faedah adalah golongan yang mendapat manfaat hasil daripada pelaksanaan projek. Ia terdiri daripada 2 kumpulan iaitu:-

- kumpulan sasar – kumpulan yang menerima manfaat langsung dengan segera dalam bentuk outcome projek
- penerima faedah akhir – kumpulan yang mendapat manfaat tidak langsung dalam jangka masa panjang dalam bentuk impak projek.

Jadual 2.4 : Stakeholders dan Penerima Faedah dari RT Daerah Kubang Pasu, Kedah 2035 (Pengantian)

Stakeholder		Penerima Faedah	
		Kumpulan Sasar	Penerima Faedah Akhir
- Majlis Daerah Kubang Pasu (MDKP) - Pejabat Tanah Daerah Kubang Pasu - Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Kedah (BPEN) - Jabatan Kerja Raya (JKR) - Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) - Jabatan Perikanan - MADA - Majlis Amanah Rakyat (MARA) - Jabatan Landskap Negara	- Jabatan Kesihatan - Jabatan Pendidikan - Jabatan Warisan - Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) - Jabatan Pembetungan - Indah Water Konsortium (IWK) - Tenaga Nasional Berhad (TNB) - Syarikat Air Darul Aman (SADA) - SW Corporation	- Penduduk Daerah Kubang Pasu - Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP) - Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (JKKK)/Penghulu - Pemaju /Kontraktor - Perunding (<i>Consultant</i>) - Badan Bukan Kerajaan (NGO) - Ahli Majlis MDKP	- Pengusaha IKS - Peniaga-peniaga di Daerah Kubang Pasu - Pengusaha pelancongan - Pemaju-pemaju perumahan - Warga Pendidik

3.0 MAKLUMAT ASAS KAWASAN PROJEK

3.1 LOKASI PROJEK

Daerah Kubang Pasu merupakan **daerah keempat terbesar di Negeri Kedah dengan keluasan keseluruhan 94,596.60 hektar**. Daerah Kubang Pasu terdiri 21 mukim, 12 Pusat Petempatan dan 8 Pusat Pertumbuhan Desa. Petempatan-petempatan utama atau pekan yang terdapat di Daerah Kubang Pasu ialah Jitra, Bandar Darulaman, Kepala Batas, Tunjang, Bukit Kayu Hitam, Changloon, Sintok, Kodiang, Padang Sera, Air Hitam, Kerpan, Sanglang dan Kuala Sanglang. Daerah Kubang Pasu terletak di bawah pentadbiran Majlis Daerah Kubang Pasu.

Merujuk kepada lokasi Daerah Kubang Pasu di dalam negeri Kedah, daerah ini bersempadan dengan negara Thailand di bahagian Utara. Manakala di bahagian baratnya adalah bersempadan dengan Negeri Perlis Indera Kayangan, di sebelah timurnya Daerah Padang Terap dan di sebelah Selatan adalah Daerah Kota Setar dan Pokok Sena. Pekan Jitra yang merupakan pekan utama bagi Daerah Kubang Pasu terletak kira-kira 30 km dari Bandaraya Alor Setar dan ia berada di dalam kawasan Pembangunan Segi-Tiga Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-GT).


Jadual 3.1 : Mukim-Mukim Daerah Kubang Pasu

Bil	Mukim
1.	Sungai Laka
2.	Temin
3.	Kepelu
4.	Pering
5.	Kubang Pasu
6.	Ah
7.	Putat
8.	Husba
9.	Binjal
10.	Malau
11.	Padang Perahu
12.	Sanglang
13.	Gelong
14.	Tunjang
15.	Wang Tepus
16.	Jerlun
17.	Jeram
18.	Jitra
19.	Naga
20.	Pelubang
21.	Bukit Tinggi

Dari segi bidang kuasa Perancangan Bandar dan Desa, keseluruhan Daerah Kubang Pasu terletak di bawah bidang kuasa pentadbiran Majlis Daerah Kubang Pasu (MDKP) (Seksyen 5(1), Akta 172).

3.1.1 Penduduk Daerah Kubang Pasu

Daerah Kubang Pasu mempunyai seramai 185,856 orang penduduk pada tahun 2000 (RT Daerah Kubang Pasu, 2020) dan merupakan daerah yang keempat tertinggi di Negeri Kedah dari segi bilangan penduduk selepas Daerah Kota Setar, Kuala Muda dan Kulim. Berdasarkan kepada data Banci Penduduk tahun 2010, penduduk Daerah Kubang Pasu meningkat kepada 214,479 pada tahun 2010.




Sumber : RT Daerah Kubang Pasu , 2020

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010

3.1.2 Guna Tanah Semasa dan Topografi Daerah Kubang Pasu

Guna tanah semasa utama di Daerah Kubang Pasu adalah guna tanah pertanian yang merangkumi 63 % daripada keseluruhan daerah. Daripada jumlah kawasan pertanian ini, 41 % adalah merupakan kawasan tanaman padi terutamanya di kawasan MADA.

Daerah Kubang Pasu juga masih lagi kaya dengan sumber alam semula jadi seperti kawasan hutan di mana guna tanah ini meliputi 18 % daripada keluasan keseluruhan daerah. Kawasan hutan ini kebanyakannya terletak di bahagian timur daerah seperti kawasan Sungai Badak, Bukit Perangin, Bukit Wang dan Bukit Payong.



Selain daripada guna tanah pertanian dan kawasan hutan, guna tanah kediaman merangkumi 9.4% daripada keluasan keseluruhan daerah. Sebahagian besar daripada keluasan kawasan kediaman merupakan kawasan rumah kampung yang meliputi 94.07% dan selebihnya adalah kawasan perumahan terancang yang tertumpu di kawasan-kawasan petempatan utama seperti Kepala Batas, Jitra dan Changloon.




Antara kawasan tanah tinggi yang terdapat di Daerah Kubang Pasu.

Topografi Daerah Kubang Pasu merupakan dataran tanah rata dan rendah yang berketinggian di bawah paras 20 meter. Paras ketinggian Daerah Kubang Pasu daripada aras laut adalah setinggi 3.9 meter. Kawasan dataran tanah rata dan rendah adalah merupakan kawasan MADA dan guna tanahnya adalah kawasan pertanian padi.

Walaupun sebahagian besar Daerah Kubang Pasu mempunyai keadaan muka bumi yang rendah, terdapat juga kawasan bukit dan tanah tinggi yang berketinggian melebihi 150 meter iaitu:

- ✓ Bukit Koh Moi (720 meter)
- ✓ Bukit Perangin (640 meter)
- ✓ Bukit Tunjang (300 meter)
- ✓ Bukit Kepelu (160 meter)

Rajah 3.1 : Pelan Lokasi Daerah Kubang Pasu



3.1.3 Sistem Perhubungan

Jajaran Lebuhraya Utara Selatan (PLUS) menghubungkan Utara dan Selatan Pantai Barat Semenanjung Malaysia manakala jajaran Lebuhraya Kuala Perlis - Changloong - Sintok menghubungkan Kuala Perlis (Barat) dan Sintok (Timur). Selain itu, terdapat Jalan Pantai yang menghubungkan Kuala Perlis ke Kuala Sungai Baru terletak di sebelah barat dan Cadangan Lebuhraya Trans Eastern Kedah Hinterland (TEKH) yang menghubungkan Durian Burung, Pedu dan Baling terletak di sebelah timur Negeri Kedah, mengukuhkan lagi pembangunan daerah ini secara keseluruhannya.

Terdapat sistem pengangkutan awam sedia ada di Jitra dan Changloong yang menjadi nodus pengangkutan awam utama Daerah Kubang Pasu.

3.2 PEMBANGUNAN KAWASAN SEKITAR / BERSEMPADAN

Daerah Kubang Pasu terletak kira-kira 120 kilometer di bahagian utara Butterworth, Pulau Pinang dan 20 km dari bahagian selatan sempadan Negara Thailand. Bandar utama di sekitar Daerah Kubang Pasu adalah Bandaraya Alor Setar, Negeri Perlis dan Daerah Padang Terap.

Pembangunan kawasan sekitar memberi impak kepada kemajuan dan kepesatan Daerah Kubang Pasu. Ia perlu dikoordinasikan dan diselaraskan agar limpahan pembangunan terutama dari Daerah Kota Setar dan Selatan Thai dapat mewujudkan persaingan yang ekonomik dan berfaedah kepada kerajaan negeri dan penduduk tempatan.

Sempadan Daerah Kubang Pasu

- Daerah Padang Terap di bahagian Barat
- Selatan Thailand / Dannok di bahagian Utara
- Negeri Perlis (Arau) di bahagian Timur
- Daerah Kota Setar dan Pokok Sena di bahagian Selatan.

Daerah Kubang Pasu

Dikenali sebagai Daerah Ilmu memandangkan terdapat Institusi Pendidikan seperti Universiti Utara Malaysia (UUM), Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (POLIMAS), Institut Pendidikan Darul Aman (IPDA), Institut Latihan Perindustrian (ILP), Kolej Komuniti Bandar Darul Aman, Maktab Rendah Sains Mara (MRSM), Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) dan Sekolah Menengah Sains Sultan Abdul Halim di daerah tersebut.

Pekan-Pekan Lain

Pekan-pekain lain di dalam Daerah Kubang Pasu adalah Jitra, Bkt Kayu Hitam, Napoh, Sanglang dan Kodiang.

3.2.1 Bandaraya Alor Setar



Gambar 3.4: Mercutanda
Bandaraya Alor Setar

Berdasarkan kepada Bancian Penduduk pada tahun 2010 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, jumlah penduduk bagi Daerah Kota Setar dan Daerah Pokok Sena adalah seramai 405,523 orang.

Kadar pertumbuhan penduduk purata tahunan 2000-2010 menunjukkan Daerah Kota Setar dan Pokok Sena mengalami kadar pertumbuhan tahunan purata kira-kira 1.85%. Peratusan penduduk di kawasan bandar adalah sebanyak 57.4% iaitu 232,770 orang dan kawasan luar bandar adalah 42.6% iaitu 172,753 orang.

Bandaraya Alor Setar yang terletak di dalam Daerah Kota Setar adalah ibu negeri dan Pusat Pentadbiran Negeri Kedah. Sebagai Ibu Negeri, Bandaraya Alor Setar telah dilengkapi dengan pelbagai kemudahan prasarana. Kepesatan pembangunan dari segi hartanah perumahan, aktiviti perdagangan dan perindustrian memberikan impak yang menyeluruh kepada kawasan sekitarnya dari aspek limpahan dan peningkatan ekonomi kepada daerah sekitar.

3.2.2 Pekan Dannok, Thailand

Sadao atau Dannok merupakan sebuah wilayah kecil yang terletak di dalam Daerah Songkhla, selatan Thailand yang berkeluasan 1,029.273 km² dan bersempadanan dengan Malaysia. Pekan Dannok juga dikenali sebagai “Syurga Membeli Belah dan Syurga Makanan”. Ia terletak kira-kira 25 kilometer ke Pusat Bandar Kubang Pasu dan Jitra.



Gambar 3.5: Pekan Dannok

Umumnya Daerah Kubang Pasu khususnya Bukit Kayu Hitam merupakan lokasi singgahan yang menjadi pilihan utama pengunjung luar kerana lokasinya yang strategik sebelum atau selepas ke Dannok. Ia secara tidak langsung akan memberi impak kepada pembangunan Daerah Kubang Pasu sendiri.

3.2.3 Padang Besar, Perlis

Padang Besar merupakan sebuah pekan sempadan yang terletak di Negeri Perlis, Malaysia. Ia bersempadan dengan Wilayah Songkhla, Thailand iaitu 35 kilometer menghala ke timur laut Kangar dan 79 kilometer ke Bandaraya Alor Setar.

Bandar ini menjadi destinasi popular bagi rakyat Malaysia kerana terdapat pasar terbuka yang bebas beroperasi antara dua negara. Padang Besar berkeluasan 1,029.273 km² dengan bilangan penduduk seramai 10,000 orang.



Gambar 3.6: Bazar terbuka di Padang Besar

3.3 | ISU DAN PROSPEK AWAL

3.3.1 Isu-isu Perancangan

a. Pembangunan Gunatanah Yang Tidak Seimbang

Tren Pembangunan yang tidak seimbang dan lebih tertumpu di pusat-pusat petempatan dan laluan koridor utama di sepanjang laluan utama Lebuhraya Utara Selatan Kepala Batas - Bukit Kayu Hitam dan Laluan Kodiang - Padang Sera- Tunjang-Jitra terus ke Arau.

Pembangunan fizikal terutama pembangunan perumahan yang drastik telah menyebabkan kehilangan tanah-tanah pertanian yang produktif (yang tidak boleh diganti) seterusnya menjadikan sektor pertanian tidak efisien, efektif serta berskala kecil. Oleh itu, ia turut mengurangkan daya saing kawasan pertanian dengan pembangunan lain. Koridor petempatan Sanglang - Kerpan dan Air Hitam dilihat kurang menjadi tumpuan pembangunan.

b. Tekanan untuk pembangunan di luar sempadan kawasan pembangunan sedia ada adalah tinggi

Tekanan untuk pembangunan di luar sempadan kawasan pembangunan sedia ada adalah tinggi, terutamanya limpahan daripada pembangunan Daerah Kota Setar dan Pokok Sena menyebabkan tanah pertanian yang produktif berkurangan seterusnya memberi kesan kepada pendapatan sektor pertanian. Oleh itu terdapat tren pembangunan di luar kawasan pembangunan perlu diselaraskan.

c. Pembangunan di Kota Perdana (Bukit Kayu Hitam)

Sumber daripada Majlis Keselamatan Negara menyatakan bahawa isu keselamatan sempadan, penyeludupan barang dan perdagangan manusia semakin membimbangkan dan perlu diambil perhatian serius oleh pihak Kerajaan Persekutuan, Negeri mahupun tempatan.

d. Sistem Jalanraya / Pengangkutan Rel

Jalan utama (Jalan Persekutuan 1) yang menghubungkan Alor Setar Ke Kangar melalui Air Hitam - Kerpan dan Sanglang mengalami kesesakan lalulintas dengan peningkatan bilangan kenderaan pada waktu puncak.

d. Pengurusan dan Pelaksanaan yang Tidak Komprehensif dan Tidak Berdaya Laksana

Terdapat kawasan-kawasan pertanian dan kawasan hutan yang telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN) bagi tujuan pembangunan. Pengemaskinian data dan zon pembangunan perlu dijalankan bagi memastikan ia selaras dengan status kelulusan pembangunan oleh PBN.

Jadual Kelas Kegunaan Tanah perlu dikaji semula untuk memastikan kawalan pembangunan yang lebih efektif pada masa hadapan dapat dilaksanakan mengikut kesesuaian zon pembangunan yang ditetapkan.

Projek semula terhadap zon pembangunan semasa di daerah Kubang Pasu perlu selari dengan Agenda Nasional. Melalui dasar-dasar dan inisiatif-inisiatif yang terkandung di dalam agenda tersebut, ia dilihat mampu memberi impak yang positif kepada pembangunan di Daerah Kubang Pasu dalam aspek fizikal, ekonomi, sosial dan alam sekitar.

3.3.2 Prospek / Potensi Awal Projek

a. Kedudukan daerah yang strategik

Daerah Kubang Pasu terletak dalam kawasan Pembangunan Segitiga Indonesia - Malaysia - Thailand (IMT-GT), berupaya untuk menyokong pembangunan serantau di samping dengan terlaksananya pembangunan Kota Perdana di Bukit Kayu Hitam dan pembangunan Kota Putra di Daerah Padang Terap pada masa hadapan.

Bukit Kayu Hitam akan berfungsi sebagai bandar sempadan dan menawarkan kemudahan yang menyokong pembangunan kawasan Pembangunan Segitiga Indonesia - Malaysia - Thailand (IMT-GT) dalam kerjasama serantau.

Selain itu, kawasan perindustrian Pauh di Negeri Perlis juga dijangka akan memberi impak positif kepada pembangunan daerah ini. Selain itu, pembangunan pusat-pusat pendidikan dalam daerah ini seperti Universiti Utara Malaysia, Politeknik POLIMAS, Institut Pendidikan Darul Aman, Kolej Komuniti, Institut Latihan Perindustrian, Institut Kemahiran Belia Negara dan Kolej Pertanian turut menggalakkan pertumbuhan daerah ini.

b. Jaringan sistem perhubungan yang baik dan menyeluruh

Pintu masuk dan perhubungan wilayah yang baik melalui, perhubungan darat (Jalan Persekutuan 1, Lebuhraya Utara Selatan dan laluan keretapi), perhubungan udara (Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim) dan pintu masuk utama dari sempadan negara jiran, Thailand.

c. Kewujudan Pusat-pusat petempatan dan kawasan pembangunan baru yang strategik dan berkembang maju

Pengagihan projek pembangunan baru di luar kawasan bandar Jitra dan Cangloong seperti di koridor Barat Sanglang - Kerpan dan Air Hitam akan mengalihkan dan memberi keseimbangan tumpuan pembangunan daripada Koridor Kepala Batas - Jitra - Cangloong - Bukit Kayu Hitam dan koridor Jitra - Tunjang - Padang Sera - Kodiang seterusnya akan meningkatkan kemudahan sosial dan ekonomi kepada penduduk di luar bandar.

d. Mengekalkan Negeri Kedah sebagai negeri pengeluar utama tanaman padi di Malaysia (Kedah Negeri Jelapang Padi)

Menghadkan impak pembangunan ke atas pembukaan kawasan tanaman padi yang berpotensi dan berhasil demi mengekalkan status Negeri Kedah sebagai Negeri Jelapang Padi.

4.0 KOS SILING PROJEK

Kos siling yang ditetapkan berdasarkan kelulusan peruntukan tahun 2017 bagi RT Daerah Kubang Pasu, Kedah 2035 (Pengantian) oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri adalah **sebanyak RM 800,000.00**.

5.0 JUSTIFIKASI PROJEK

Projek ini wajar dilaksanakan berdasarkan justifikasi-justifikasi berikut:-

- a. Berlakunya perubahan ketara pada zon gunatanah disebabkan tekanan pembangunan khususnya di sepanjang jalan utama kawasan tumpuan pembangunan dan kawasan pertanian. Sumber data-data RT sedia ada adalah maklumat yang diperolehi pada tahun 2002. Ia tidak lagi tepat kerana berlaku perubahan guna tanah yang sangat ketara. Pengantian Rancangan Tempatan ini diperlukan sebagai asas dan panduan kepada perancangan pembangunan masa hadapan bagi Daerah Kubang Pasu yang pesat membangun,
- b. Rancangan Tempatan Daerah Kubang Pasu 2020 telah dibuat Pengubahan oleh MDKP pada tahun 2014 sejak ia diwartakan pada tahun 2011,

- c. Keperluan menyelaraskan dan mengemaskini data maklumat dan pelan pembangunan Daerah Kubang Pasu yang telah diluluskan dan sedang dirancang serta jadual kelas kegunaan tanah dan bangunan agar ia jelas dan tersusun,
- d. Keperluan melaksanakan Agenda Nasional di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP), Program Transformasi Kerajaan (GTP), 1Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Di Utamakan dan program Rancangan Malaysia 5 Tahun (RMK) dan Agenda Negeri dibawah Program Transformasi Pembangunan Negeri Kedah 2015-2018 dan Muafakat Kedah, dan
- e. Tarikh luput Rancangan Tempatan Daerah Kubang Pasu 2020 sedia ada hampir tamat.

6.0 SENARAI PROJEK BERKAITAN

Penyediaan Rancangan Tempatan Daerah Kubang Pasu 2035 (Pengantian) akan berpandukan kepada dokumen strategik daripada peringkat nasional hingga ke peringkat daerah serta lain-lain dasar, prinsip dan nilai yang bersesuaian dalam pembentukan Misi dan Visi pembangunan bagi Daerah Kubang Pasu.

Jadual 6.1: Model Analisis Strategik RT Daerah Kubang Pasu, Kedah 2035 (Pengantian)

Kerangka Nasional	Kerangka Negeri	Kerangka Daerah
1. Rancangan Malaysia ke 11 - Pertumbuhan /pacu ekonomi - Pembangunan Inklusif - Kesejahteraan Rakyat - Pengurusan sumber asli dan alam sekitar - Manfaatkan bakat 2. Rancangan Fizikal Negara - Konsep tumpuan terpilih - Pembangunan pertanian - MADA perlu pelihara - Bandar berciri khas 3. Dasar Pelancongan Negara - Pembangunan pelancongan/ produk pelancongan - Pemasaran promosi - Pembangunan sumber manusia - Kemudahsampaian - Perkhidmatan berkualiti	1. Rancangan Struktur Negeri Kedah 2002-2020 - Kawasan Tumpuan Pembangunan - Kawasan Pembangunan Terkawal - Kawasan Pengekalan dan Pemeliharaan - Jaringan Perhubungan, Infrastruktur dan Utiliti. 2. Program Tranformasi Ekonomi (ETP) - Ekonomi berlandaskan perkhidmatan, dengan pertumbuhan daripada 58 % kepada 65 % - Lebih 3.3 juta perkerjaan baharu akan diwujudkan menjelang 2020	1. Rancangan Tempatan Daerah Kubang Pasu 2020 Daerah Kubang Pasu sebagai pusat pendidikan, perindustrian, perdagangan, pelancongan dan pertanian dengan menggunakan sepenuhnya sumberjaya tempatan, bersepadu, harmoni dan lengkap dengan kemudahan infrastruktur dan sosial

Sambungan...

Kerangka Nasional	Kerangka Negeri	Kerangka Daerah
4. Bidang keberhasilan Utama Negara 5. Dasar Perbandaran Negara 2006 - Pembangunan perbandaran yang efisien dan mampan - Sistem Pengangkutan Bandar bersepadu dan efisien - Penyediaan perkhidmatan Bandar, infrastruktur dan utiliti yang berkualiti - Persekitaran kehidupan bandar yang sejahtera dan beridentiti	3. Pelan Transformasi Negeri Kedah, 2015-2018 i. Sektor Modal Insan - Membangunkan Pusat Pendidikan Islam di Malaysia - Membangunkan dan menaiktraf institusi pengajian tinggi dan Institut Kemahiran - Membangunkan program latihan pekerja mahir ii. Sektor Pertanian - Pembangunan aktiviti ekonomi pertanian bersepadu di kawasan luar bandar untuk meningkatkan pendapatan setempat - Membangunkan pangkalan data bagi mempertingkatkan program sokongan bantuan dan latihan insentif pertanian - Membangunkan pusat inkubasi/industri benih di koridor wilayah utara - Pembangunan industri padi - Pembukaan lebih banyak ladang satelit bagi penanaman buah-buahan yang berkualiti tinggi.	

Sambungan...

Kerangka Nasional	Kerangka Negeri	Kerangka Daerah
	iii. Sektor Pembangunan Pemandaran • Meningkatkan bilangan populasi • Intensiti aktiviti ekonomi • Menarik minat pelabur / peluang pelaburan • Menyediakan kemudahan infrastruktur yang lengkap • Mempromosikan gaya hidup berteraskan kesejahteraan penduduk 4. Muafakat Kedah Kebitaraan Pembangunan Daerah 12 buah daerah sedia ada perlu disusun semula. membolehkan perancangan pembangunan menjadi dinamik selaras dengan perubahan semasa. Ekonomi Semua daerah menjadi pusat pertumbuhan setempat untuk mewujudkan kesan ekonomi limpahan. Pertanian • Penumpuan terhadap pertanian komersil dan intensif bernilai tinggi harus diberi tumpuan. • Pengekalan tanah pertanian • 100 000 hektar sebagai kawasan makanan. • Kedah sebagai Jelapang Makanan Negara Pelancongan Pelancongan Pertanian & Semulajadi.	

6.1 KERANGKA PERINGKAT NASIONAL

6.1.1 Rancangan Malaysia ke Sebelas (RMK 11)

Dalam menerajui fasa akhir pelan hala tuju pembangunan ke arah mencapai negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020, RMKe-11 dirangka dengan berpaksikan enam (6) Teras Strategik utama berikut :

Teras 1	: Merekayasa Pertumbuhan Ekonomi (<i>Re-engineering Economic Growth</i>)
Teras 2	: Memperkasa Pemacu Pertumbuhan (<i>Strengthening Growth Enablers</i>)
Teras 3	: Memanfaat Bakat (<i>Harnessing Talent</i>)
Teras 4	: Mengarusperdana Pengurusan Sumber Asli & Alam Sekitar (<i>Mainstreaming Environment & Resources Management</i>)
Teras 5	: Memperkukuh Pembangunan Inklusif (<i>Enhancing Inclusivity</i>)
Teras 6	: Meningkatkan Kesejahteraan Rakyat (<i>Improving Well-Being</i>)

6.1.2 Rancangan Fizikal Negara KE-3 (RFN3)

Matlamat RFN3 adalah memberi fokus kepada pencapaian negara berdaya tahan dan berdaya huni dengan menetapkan tahun 2040 sebagai kesinambungan pelaksanaan dasar-dasar yang melangkaui tahun 2020.

Tiga Teras utama menyokong RFN3 iaitu:-

- Teras 1 : Pertumbuhan Dinamik Bandar Dan Luar Bandar**
Memperkukuhkan peranan bandar dan luar bandar sebagai pusat penjana utama ekonomi Negara
- Teras 2 : Kemampanan Spatial Dan Daya Tahan Terhadap Perubahan Iklim**
- i) Pengurusan sumber semulajadi negara secara efektif.
 - ii) Kemampanan spatial - mengambilkira perubahan iklim, risiko bencana, pembangunan rendah karbon serta memenuhi keperluan penduduk.

iii) 3 Hala Tuju Strategik iaitu :-

- a. Pengurusan Mampan Sumber Asli, Sumber Makanan dan Sumber Warisan Semulajadi
- b. Perancangan dan pembangunan Guna Tanah Holistik
- c. Bandar Rendah Karbon dan Infrastruktur Mampan

Teras 3 : Pembangunan Komuniti Inklusif

Komuniti sejahtera yang bersepadu, proaktif dan progresif

i) 2 Hala Tuju Strategik iaitu :-

- a. Persekitaran berkualiti dan berdaya huni
- b. Pewujudan tempat dan kesepadanan komuniti

6.1.3 Dasar Pelancongan Negara

Dasar Pelancongan Negara bertujuan mencapai pertumbuhan pelancongan yang mampan bagi merealisasikan potensi pekerjaan yang banyak dan kesan penjanaan pendapatan di tahap negara, negeri dan kawasan tempatan. Lapan (8) aspek utama yang ditekankan di bawah Dasar Pelancongan :-

i. Pembangunan Pelancongan

Program utama yang dilaksanakan termasuk pengkalan dan pemuliharaan tempat bersejarah, peruntukan dan menaiktaraf infrastruktur berkaitan pelancongan dan juga peningkatan kualiti produk pelancongan dan perkhidmatan.

ii. Pembangunan Produk

Pembangunan produk di kawasan ceruk rantau akan terus diberi penekanan berdasarkan keperluan pasaran sasaran dan kekuatan relatif dan perbandingan faedah di pelbagai negeri.

iii. Pelancongan Domestik

Pembangunan pelancongan domestik akan kekal sebagai satu keutamaan penting dan akan di promosikan secara aktif.

iv. Pemasaran dan Promosi

Usaha promosi yang berkesan dan memfokuskan pelanggan telah dijalankan untuk memperkembangkan dan mempelbagaikan asas pasaran pelancongan. Usaha pemasaran dan promosi diperkembangkan agar jenama Malaysia sentiasa dibangunkan di pasaran luar negara yang utama dengan memperkukuhkan imej negara sebagai destinasi percutian pilihan utama.

v. Pembangunan Sumber Manusia

Pembangunan sumber manusia akan terus diberi keutamaan untuk mempertingkatkan lagi tahap kecekapan dan profesionalisma untuk memperbaiki lagi kualiti perkhidmatan dalam mempermudah pertumbuhan industri pelancongan yang cekap dan berdaya saing.

vi. Ketersampaian (Kemudahsampaian)

Infrastruktur sokongan seperti pengangkutan udara, darat, dan laut akan terus dinaiktaraf untuk memastikan kecekapan, tahap ketersampaian yang tinggi dan pertumbuhan yang kekal di dalam industri pelancongan.

vii. Perkhidmatan Berkualiti, Keselesaan, Keselamatan dan Perlindungan Pelancong

Kualiti perkhidmatan, keselesaan, keselamatan dan perlindungan pelancong adalah sangat penting bagi menjayakan industri pelancongan. Usaha akan terus dijalankan untuk membina imej Malaysia sebagai destinasi pelancongan yang selamat di samping perkhidmatan yang berkualiti tinggi.

viii. Perikatan Strategik dan Kerjasama Antarabangsa

Kerjasama serantau akan dijalankan secara aktif untuk mengaut faedah-faedah sinergi.

6.1.4 Bidang Keberhasilan Utama Negara (National Key Result Areas-NKRA)

Pelaksanaan GTP didasari dengan pengenalan Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) langkah-langkah jangka pendek dan jangka panjang untuk memenuhi keperluan rakyat. Terdapat tujuh (7) NKRA yang telah dikenalpasti :-

NKRA 1 : Mengurangkan Jenayah

NKRA 2 : Membentaras Rasuah

NKRA 3 : Memastikan Pendidikan Berkualiti

NKRA 4 : Mempertingkatkan Taraf Hidup Isi Rumah Berpendapatan Rendah

NKRA 5 : Mempertingkatkan Pembangunan Luar Bandar

NKRA 6 : Mempertingkatkan Pengangkutan Awam Bandar

NKRA 7 : Menangani Kos Sara Hidup

6.1.5 Dasar Perbandaran Negara Ke-2 (DPN2), 2016

DPN2 adalah merupakan rangka kerja bagi membantu di dalam membuat keputusan dan menentukan fokus dan arah tuju pembangunan bandar. 5 Prinsip di dalam DPN2 yang diambil kira dalam merangka pembangunan adalah:-

Prinsip 1 : Tadbir Urus Baik

Pengurusan bandar yang baik perlu disokong dengan mekanisma, dasar, polisi dan tadbir urus yang cekap dalam menangani isu dan cabaran global yang mencabar.

Prinsip 2 : Berdaya Huni

Bandar yang berdaya huni adalah merupakan sebuah bandar yang sesuai dan selesa untuk didiami dengan ciri yang lengkap, berdaya tahan, kesepaduan, ketulenan, mampu tanggung, selamat, sihat dan beridentiti.

Prinsip 3 : Berdaya Saing

Bandar yang menawarkan potensi terbaik dalam meningkatkan pendapatan negara melalui kemampuan menarik syarikat dalam sektor strategik untuk melabur dan menjana pendapatan berskala besar, bernilai tinggi, peluang pekerjaan berpendapatan tinggi dan memberi peluang syarikat tempatan untuk mencipta idea dan berkongsi pengetahuan.

Prinsip 4 : Inklusif dan kesaksamaan

Prinsip ini menjelaskan keadaan dimana semua golongan dan lapisan masyarakat termasuk kumpulan terpinggir mempunyai hak, peluang, faedah dan akses yang sama dalam pembangunan ekonomi, sosial dan fizikal.

Prinsip 5 : Hijau

Ia bermaksud sebuah bandar yang dirancang dengan menerapkan prinsip bandar mampan, mempunyai program-program dan inisiatif-inisiatif bagi memelihara alam sekitar dan sumber-sumber semulajadi dengan tujuan untuk mengurangkan kesan negatif aktiviti manusia kepada alam sekitar.

6.2 KERANGKA PERINGKAT NEGERI

6.2.1 Rancangan Struktur Negeri Kedah (RSN), 2002-2010

Dasar umum dibentuk untuk memberi arah tuju di dalam kerangka pembangunan fizikal negeri dengan menyentuh aspek-aspek seperti :

- a. Kawasan Tumpuan Pembangunan
- b. Kawasan Pembangunan Terkawal
- c. Kawasan Pengekalan dan Pemeliharaan dan
- d. Jaringan Perhubungan, Infrastruktur dan Utiliti.

Antara intipatinya ialah :

i. **Rangka Spatial Strategik Negeri Kedah 2020**

RSNK dijadikan sebagai rangka strategik negeri untuk perancangan pemajuan dan penggunaan tanah yang bersepadu dan mapan berpandukan gambar rajah utama.

ii. **Kawasan Tumpuan Pembangunan**

Tumpuan pembangunan perbandaran Negeri Kedah sehingga tahun 2020 adalah di Kawasan Tumpuan Pembangunan Utama (KTPU).

Memaju dan menguruskan sumber tanah di kawasan yang telah dikenal pasti sebagai Kawasan Kesyediaan Tanah Pembangunan (KKTP).

Menguatkan strategi pembangunan pemusatan terpilih di bandar-bandar utama dan menyelerakkan pembangunan secara tertumpu di pusat-pusat petempatan utama.

iii. **Kawasan Pembangunan Terkawal**

Pembangunan secara terkawal sahaja dibenarkan di dalam Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) seperti hutan, tanah tinggi, pesisiran pantai, pesisiran sungai, kawasan pulau, zon warisan sejarah, kawasan tadahan air, empangan dan badan air.

Tanah pertanian yang sesuai dan berpotensi perlu dikekalkan dan dimajukan sebagai kawasan pembangunan pertanian yang produktif dan berdaya maju.

iv. **Kawasan Pengekalan dan pemuliharaan**

KSAS seperti hutan simpan kekal, hutan tadahan air, badan air, kawasan kepelbagaian biologi dan tapak warisan geologi dan landskap hendaklah dikekalkan dan dipulihara.

Kawasan berbukit dan kawasan berkecerunan melebihi 25 darjah perlu dipelihara dan dikekalkan secara berterusan.

6.2.2 Program Transformasi Ekonomi (ETP)

Program Transformasi Ekonomi adalah sebuah usaha menyeluruh yang akan merubah Malaysia menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi menjelang 2020. Pembangunan di koridor Utara selaras dengan pelaksanaan ETP diharap dapat merubah ekonomi Malaysia dengan ketara dan menyamai ekonomi negara-negara membangun yang lain.

Di samping itu, **RT Daerah Kubang Pasu, Kedah 2035 (Penggantian)** adalah selaras dengan usaha kerajaan untuk membuat anjakan ke arah sebuah ekonomi yang berlandaskan perkhidmatan, dengan pertumbuhan sektor perkhidmatan daripada 58 peratus kepada 65 peratus bagi tempoh itu. Ini kerana Lebih 3.3 juta pekerjaan baharu akan diwujudkan menjelang 2020 meliputi seluruh negara, termasuklah kawasan bandar dan luar bandar dan menyaksikan peralihan kepada golongan berpendapatan pertengahan dan tinggi.

6.2.3 Pelan Transformasi Negeri Kedah (2015-2018)

6.2.3.1 Sektor Modal Insan

- Membangunkan Pusat Pendidikan Islam di Malaysia
- Membangunkan dan menaiktraf institusi pengajian tinggi dan Institut Kemahiran
- Membangunkan program latihan pekerja Mahir

6.2.3.2 Sektor Pertanian

- Pembangunan aktiviti ekonomi pertanian bersepadu di kawasan luar bandar untuk meningkatkan pendapatan setempat
- Membangunkan pangkalan data bagi mempertingkatkan program sokongan bantuan dan latihan insentif pertanian
- Membangunkan pusat inkubasi/ industri benih di koridor wilayah utara
- Pembangunan industri padi
- Pembukaan lebih banyak ladang satelit bagi penanaman buah-buahan yang berkualiti tinggi.

6.2.3.3 Sektor Pembangunan Pemandaran

- Meningkatkan bilangan populasi
- Intensiti aktiviti ekonomi
- Menarik minat pelabur / peluang pelaburan
- Menyediakan kemudahan infrastruktur yang lengkap
- Mempromosikan gaya hidup berteraskan kesejahteraan penduduk

6.2.4 Muafakat Kedah**Kebudayaan Pembangunan Daerah**

Dua belas buah daerah sedia ada perlu disusun semula bagi membolehkan perancangan pembangunan menjadi dinamik selaras dengan perubahan semasa.

Ekonomi

Semua daerah menjadi pusat pertumbuhan setempat untuk mewujudkan kesan ekonomi limpahan.

Pertanian

- Penumpuan terhadap pertanian komersil dan intensif bernilai tinggi harus diberi tumpuan.
- Pengkalan tanah pertanian
- 100 000 hektar sebagai kawasan makanan.
- Kedah sebagai Jelapang Makanan Negara

Pelancongan

Pelancongan Pertanian dan Semulajadi.

7.0 JUSTIFIKASI KEPERLUAN PERKHIDMATAN PERUNDING

Perkhidmatan perunding diperlukan dalam penyediaan RT Daerah Kubang Pasu, Kedah 2035 (Pengantian). Ini adalah berdasarkan kepada justifikasi berikut :-

- a. Bidang perkhidmatan dan kepakaran yang diperlukan tidak dapat dipenuhi oleh kakitangan dan agensi semasa,
- b. Perancangan dan reka bentuk RT Daerah Kubang Pasu, Kedah 2035 (Pengantian) ini memerlukan penelitian dan fokus yang khusus demi menghasilkan produk akhir yang berdayalaksana,

- c. Untuk mendapatkan output yang lebih inovatif selaras dengan perkembangan semasa, dan
- d. Dapat meningkatkan kemahiran dan pengalaman kakitangan dan agensi yang terlibat melalui 'Transfer Technology' daripada kepakaran perunding yang dilantik.

8.0 PERANCANGAN PROJEK

8.1 TEMPOH PROJEK

Tempoh penyediaan RT Daerah Kubang Pasu, Kedah 2035 (Pengantian) adalah selama **LAPAN (8) BULAN tanpa mengambilkira peringkat mobilisasi, tempoh publisiti dan pengurusan mesyuarat**. Tempoh ini akan melibatkan penyediaan Laporan Pendekatan, Laporan Analisis dan Strategi Pembangunan, Laporan Draf Rancangan Tempatan dan Laporan Akhir Draf Rancangan Tempatan.

8.2 PERINGKAT PROJEK

8.2.1 Laporan Pendekatan (LP)

Laporan ini menjelaskan keperluan yang digariskan dalam Terma Rujukan. Ia turut mengandungi perincian mengenai pendekatan dan metodologi, teknik-teknik pengumpulan data dan analisis, program projek dan cadangan kos perbelanjaan. Secara ringkasnya, perkara-perkara berikut perlu terkandung di dalam Laporan Pendekatan :-

- i. Profil Kawasan RT,
- ii. Verifikasi Isu dan Potensi,
- iii. Pemantapan Halatuju & Wawasan Pembangunan,
- iv. Skop & Pendekatan,
- v. Pengurusan,
- vi. Penilaian Kemapanan,dan
- vii. Pengukuran Pencapaian Semasa


Perunding perlu mengemukakan **Draf Laporan Pendekatan** sebanyak **5 salinan untuk dibincangkan di dalam Pasukan Teras dan mencetak 35 salinan setelah dimuktamadkan untuk rujukan seterusnya**.

8.2.2 Laporan Analisis dan Strategi Pembangunan (LASP)

LASP menerangkan penemuan analisis berserta unjuran sektoral selaras dengan keperluan matlamat, objektif, skop disediakan dengan menggunakan teknik-teknik analisis yang telah ditentukan. Hasil daripada laporan ini akan digunakan sebagai asas kepada penyediaan Draf Rancangan Tempatan (DRT).

Dua (2) kandungan utama LASP adalah Analisis dan Penemuan dan juga Rangka Konsep dan Strategi Pembangunan (**rujuk Rajah 8.1**)

Rajah 8.1 : Kandungan LASP



Perunding perlu mengemukakan Laporan Analisis dan Strategi Pembangunan sebanyak **5 salinan untuk dibincangkan di dalam Pasukan Teras** dan **35 salinan lagi untuk perakuan dan kelulusan Jawatankuasa penyelarasan Teknikal**.

8.2.3 Laporan Draf Rancangan Tempatan Daerah

Draf RT merupakan dokumen yang menunjukkan perincian cadangan pembangunan dan program pelaksanaan bagi sesuatu kawasan RT. Laporan RT Daerah Kubang Pasu, Kedah 2035 (Penggantian) yang disediakan akan terdiri daripada 3 Jilid :-

- a. Jilid 1 : Peta Cadangan dan Pernyataan Bertulis
- b. Jilid 2 : Garispanduan Kawalan Perancangan
- c. Jilid 3 : Pengurusan dan Pelaksanaan

Rajah 8.2 : Bentuk Dan Isi Kandungan Draf RT



8.2.3.1 Jilid 1 : Peta Cadangan dan Pernyataan Bertulis

a. Peta Cadangan

Peta Cadangan (bagi seluruh kawasan projek mengikut blok-blok perancangan yang telah ditetapkan) yang menunjukkan perincian cadangan gunatanah dan aktiviti berdasarkan sempadan lot-lot yang tepat.

b. Pernyataan Bertulis

Peta Cadangan di atas perlulah disokong oleh suatu Pernyataan Bertulis yang mengandungi berbagai bentuk kenyataan, lakaran, gambaran bagi menjelaskan cadangan-cadangan dalam peta cadangan, seperti garispanduan pembangunan, kelas kegunaan tanah dan sebagainya. Ia juga menjelaskan wawasan, matlamat dan strategi pembangunan hasil daripada rumusan keadaan semasa dan penemuan.

8.2.3.2 Jilid 2 : Garispanduan Kawalan Perancangan**a. Jadual Kelas Kegunaan Tanah dan Bangunan**

Disediakan bagi menjelaskan tentang kegunaan tanah dan bangunan yang disediakan dalam peta cadangan. Jadual kelas kegunaan tanah dan bangunan perlu memperincikan kegunaan yang dibenarkan, kegunaan lain yang dibenarkan dengan syarat dan kegunaan yang tidak dibenarkan mengikut zon-zon utama gunatanah.

b. Garispanduan Khusus

Garispanduan yang dibentuk adalah khusus bagi memandu pembangunan di sesuatu kawasan sama ada untuk tujuan pemeliharaan, pembangunan semula/pemulihan/galakan pembangunan. Perkara-perkara yang perlu diambil kira di dalam garispanduan pembangunan khusus adalah jenis gunatanah dan syarat-syarat khas pembangunan tapak, ketinggian bangunan, nisbah plot dan kepadatan, *'Plinth Area'* dan lain-lain yang bersesuaian.

Garispanduan Pembangunan Khusus adalah :

- i. Pemeliharaan Ekologi Semulajadi
- ii. Pembangunan Semula Kampung
- iii. Pembangunan Semula Kawasan Perdagangan
- iv. Pembangunan Bandar Sempadan Bukit Kayu Hitam
- v. Zon Promosi Pembangunan
- vi. Kawasan Sumberjaya Asli
- vii. Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS)

c. Laporan Dan Pelan-Pelan Sokongan

Bagi menjelaskan pernyataan bertulis dan peta cadangan, ia hendaklah disokong dengan pelan subjek, pelan sisipan, pelan gunatanah utama dan gambaran/bahan memperihai.

i. **Pelan Subjek**

Pelan Subjek (bagi kawasan blok perancangan) yang menunjukkan keadaan sedia ada dan cadangan-cadangan pembangunan mengikut subjek-subjek tertentu yang tidak dapat ditunjukkan dalam Peta Cadangan, seperti cadangan pengangkutan / lalulintas .

ii. **Pelan Sisipan**

Pelan-pelan sisipan yang lain yang menyokong dan memperincikan lagi pelan subjek. Ianya termasuk juga pelan yang menunjukkan blok-blok perancangan kecil untuk perincian cadangan Kelas Kegunaan Tanah (saiz A3 atau A4).

iii. **Pelan Gunatanah Utama**

Pelan Panduan Guna Tanah Utama yang menunjukkan taburan guna tanah utama bagi seluruh kawasan projek mengikut skala dan saiz kertas yang bersesuaian.

iv. **Gambaran / Lakaran Perspektif / Ilustrasi**

Lakaran-lakaran, gambar-gambar perspektif dan ilustrasi yang menjelaskan tentang cadangan mengikut subjek.

d. Pelan-pelan lain yang disediakan sebagai sokongan adalah :-

- i. Pelan Pengurusan Alam Sekitar
- ii. Pelan Pembangunan Sosial,
- iii. Pelan Pembangunan Ekonomi,
- iv. Pelan Pembangunan Infrastruktur dan Utiliti,
- v. Pelan Pembangunan Institusi,
- vi. Pelan Pembangunan Pelancongan Pertanian & Semulajadi

8.2.3.3 Jilid 3 : Pengurusan dan Pelaksanaan

Laporan Pengurusan dan Pelaksanaan yang perlu mengandungi senarai cadangan projek pembangunan utama dan cadangan jentera pentadbiran untuk pelaksanaan serta pemantauan pembangunan tersebut :-

- a. Senarai cadangan projek pembangunan utama yang disenaraikan perlu dijustifikasi dengan lebih terperinci dalam bentuk *Logical Framework (LFA)* iaitu memasukkan matlamat, objektif, program, aktiviti, indikator dan andaian ke atas setiap projek supaya selari dengan arahan EPU dan ICU;
- b. Membantu Majlis Daerah Kubang Pasu dalam perancangan, pelaksanaan dan pemantauan pembangunan projek mengikut kehendak Kerajaan Persekutuan dan Negeri;
- c. Sistem maklumat rancangan tempatan yang berasaskan Sistem Maklumat Geografi (GIS) yang di selaraskan mengikut metadata I-Plan JPBDMS.

Perunding perlu mengemukakan Laporan Draf Rancangan Tempatan sebanyak **5 salinan untuk dibincangkan di dalam Pasukan Teras dan 35 salinan lagi untuk perakuan dan kelulusan Jawatankuasa Penyelarasan Teknikal.**


8.2.4 Laporan Akhir Draf Rancangan Tempatan

Laporan Akhir Draf Rancangan Tempatan merupakan dokumen yang perlu dikemukakan oleh pihak perunding selepas membuat pindaan dengan mengambil kira teguran/ keputusan Mesyuarat Penyelarasan Teknikal ke atas Laporan Awal Draf Rancangan Tempatan.

Perunding perlu mengemukakan Laporan Akhir Draf Rancangan Tempatan sebanyak **5 salinan untuk dibincangkan di dalam Pasukan Teras dan 5 simpanan dan edaran.**

8.3 | CARTA ALIR PROJEK

Rajah 8.3 : Proses Penyediaan RT Daerah Kubang Pasu, Kedah 2035 (Pengantian)



Sumber : Manual Rancangan Tempatan (Rancangan Tempatan Penggantian & Rancangan Tempatan Perubahan) Edisi 2013

8.4 PROGRAM PROJEK

RANCANGAN TEMPATAN DAERAH KUBANG PASU, KEDAH 2035 (PENGANTIAN)

8.4 I PROGRAM PROJEK

Jadual 8.1 : PROGRAM KERJA RANCANGAN TEMPATAN DAERAH KUBANG PASU, KEDAH 2035 (PENGANTIAN)

BIL	PERINGKAT	AKTIVITI UTAMA	JANGKAMASA/ /BULAN	2016												2017												2018						
				8	9	10	11	12	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	1	2
1	MOBILISASI	Laporan Rangka Projek																																
		Program Publisiti Awal (FGD)/Laporan Publisiti Awal	2 MINGGU																															
		Terma Rujukan (TOR)	2 BULAN																															
		Kajian Lapangan dan Penyediaan Pelan Asas	3 BULAN																															
		Pelawaan dan Perlantikan Perunding																																
2	PENYEDIAAN LAPORAN	Laporan Pendekatan (LP)	1 BULAN *																															
		Laporan Analisis dan Strategi Pembangunan (LASP)	3 BULAN*																															
		Laporan Draf Rancangan Tempatan (DRT)	3 BULAN*																															
		Laporan Akhir DRT	1 BULAN *																															
		Kertas Kerja Publisiti																																
3	PUBLISITI DAN PENYERTAAN AWAM	Persediaan Program Publisiti																																
		Publisiti	1 BULAN																															
		Laporan Penyertaan dan Penyertaan Awam	1 BULAN																															
		Laporan JK Siasatan Tempatan dan Pendengaran Awam	1 BULAN																															
		Pindaan DRT	2 BULAN																															
4	PEWARTAAN RT MDKP	Laporan RTD Kubang Pasu, Kedah 2035 (Penggantian)	2 BULAN																															
		Pewartaan																																

* Jangkamasa mengikut Manual Rancangan Tempatan (Rancangan Tempatan Pengantian dan Rancangan Tempatan Pengubahan) Edisi 2013

■ PASUKAN TERAS
■ PERUNDING (8 Bulan)

45 | Terma Rujukan

8.5 | STRUKTUR PENGURUSAN PROJEK

Struktur organisasi pengurusan projek disediakan untuk melancarkan dan memudahkan penyediaan dan penyelarasan semua peringkat. Ia bertujuan untuk memastikan pencapaian objektif dan keperluan projek serta memastikan pelaksanaannya selaras dengan peruntukan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172). Secara amnya, struktur pengurusan projek yang akan dibentuk adalah terdiri daripada 3 jawatankuasa utama seperti berikut :

- a. Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN) Kedah dipengerusikan oleh Y.A.B Menteri Besar Negeri Kedah,
- b. Mesyuarat Majlis Penuh MDPK dipengerusikan oleh Yang DiPertua Majlis Kubang Pasu, dan
- c. Jawatankuasa Penyelarasan Teknikal (JPT) dipengerusikan oleh Pengarah JPBD Negeri Kedah atau Yang DiPertua MDPK.

8.5.1 Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN) Kedah

JPN Negeri Kedah akan memainkan peranan seperti berikut :

- a. Menentukan peruntukan Kerajaan Negeri untuk projek ini;
- b. Melantik ahli-ahli Jawatankuasa Pendengaran Bantahan Awam untuk mendengar segala bantahan awam tentang Draf Rancangan Tempatan ini;
- c. Memastikan cadangan Rancangan Tempatan adalah selaras dengan dasar dan strategi Kerajaan Negeri Kedah;
- d. Mempersetujui cadangan Rancangan Tempatan ini untuk dipublikasikan dan pemeriksaan awam; dan
- e. Meluluskan Rancangan Tempatan ini dan memperakukan kepada Pihak Berkuasa Negeri (PBN) untuk diwartakan.

8.5.2 Mesyuarat Majlis Penuh Majlis Daerah Kubang Pasu

Di dalam proses penyediaan Rancangan Tempatan ini, Pihak Berkuasa Perancangan Tempatan (PBPT) iaitu Majlis Daerah Kubang Pasu akan memainkan peranan :-

- a. Memastikan cadangan Rancangan Tempatan ini adalah selaras dengan dasar dan strategi Kerajaan Tempatan serta tidak bercanggah dengan keputusan JPN Kedah. Di samping itu, ia juga turut mengambilkira perancangan-perancangan yang telah digariskan di dalam Rancangan Tempatan Daerah Kubang Pasu 2020,
- b. Membuat semakan dan pertimbangan ke atas kesahihan hasil projek, dan
- c. Memperakukan Draf Rancangan Tempatan ini untuk diangkat ke Mesyuarat JPN Kedah.

8.5.3 Jawatankuasa Penyelarasan Teknikal (JPT)

Di dalam proses penyediaan Draf Rancangan Tempatan ini, JPT harus memainkan peranan penting seperti berikut :-

- b. Menerima laporan yang disediakan di setiap peringkat projek,
- c. Menyemak semua hasil projek sebelum dikemukakan kepada Mesyuarat Penuh,
- d. Menentukan bahawa projek disediakan mengikut keperluan Terma Rujukan dan Garispanduan jabatan teknikal yang berkaitan, dan
- e. Menyemak pendekatan dan maklumat projek supaya selaras dengan keperluan PBT (MDKP), Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan.

Keahlian JPT adalah seperti berikut :

- i. Pengarah JPBD Negeri Kedah/Yang DiPertua MDKP (Pengerusi), dan
- ii. Ketua-Ketua Jabatan Teknikal Peringkat Daerah dan Negeri yang berkaitan (Ahli-ahli Mesyuarat).

Urusetia : JPBD Negeri Kedah

8.5.4 Pasukan Projek

Pasukan Projek adalah terdiri daripada Pejabat Projek Zon Utara, JPBD Semenanjung Malaysia, Majlis Daerah Kubang Pasu, JPBD Negeri Kedah dan Pasukan Perunding. Pasukan ini akan dipengerusikan oleh Pengarah Pejabat Projek Zon Utara. Pasukan ini bertanggungjawab memastikan RT Daerah Kubang Pasu, Kedah 2035 (Penggantian) memenuhi Terma Rujukan.

8.5.5 Pasukan Teras

Pasukan Teras adalah terdiri daripada pegawai/kakitangan PPZU, Bahagian Rancangan Pembangunan, JPBD Semenanjung Malaysia. Pasukan ini akan dipengerusikan oleh Pengurus Projek, Bahagian Rancangan Pembangunan, Pejabat Projek Zon Utara. Pasukan ini akan bertanggungjawab secara bersama untuk mengurussetiakan semua mesyuarat, sesi-sesi perbincangan dan bengkel (jika perlu) di semua peringkat penyediaan Laporan.

PPZU juga bertanggungjawab bagi :-

- a. Menyelaraskan pengurusan keseluruhan kajian,
- b. Mengawasi, menyelia dan memberi nasihat teknikal,
- c. Menyelaraskan pengumpulan maklumat dan data,
- d. Menyemak hasil-hasil kajian yang disediakan,

- e. Membantu MDKP di dalam menyediakan lain-lain laporan di peringkat Publisiti dan Penyertaan Awam untuk tujuan mesyuarat seperti Laporan Publisiti dan Representasi dan Laporan Jawatankuasa Siasatan dan Pendengaran Awam (JKSTP) dan sebagainya,
- f. Membantu MDKP di dalam menyediakan bahan-bahan Publisiti,
- g. Membantu MDKP di dalam membuat pindaan kepada Draf Rancangan Tempatan berdasarkan kepada keputusan Mesyuarat JKSTP, dan
- h. Membantu MDKP di dalam urusan percetakan laporan kajian Rancangan Tempatan ini.

Di antara tugas dan tanggungjawab Perunding adalah :

- a. Membantu Pengurus Projek untuk menyelaras dan menyediakan Laporan Pendekatan Projek, Laporan Analisis dan Strategi Pembangunan, Laporan Draf Rancangan Tempatan (Penggantian) dan Laporan Akhir Draf Rancangan Tempatan (Penggantian) (Jilid 1, Jilid 2 dan Jilid 3),
- b. Membantu Pengurus Projek menjalankan projek lapangan dan pengumpulan data yang diperlukan,
- c. Membantu Pengurus Projek membuat penganalisaan data dan mengutarakan cadangan pembangunan projek dan program,
- d. Membantu Pengurus Projek menyediakan dan mencetak laporan projek dan bahan taklimat untuk tujuan perbincangan dan mesyuarat,
- e. Membantu Pengurus Projek membuat pembentangan kepada jawatankuasa yang ditetapkan,
- f. Membantu Pengurus Projek menyediakan laporan kemajuan projek,
- g. Membantu pengurus Projek membuat pindaan laporan berasaskan kepada keputusan mesyuarat yang ada di dalam semua peringkat,
- h. Membantu Pengurus Projek di dalam penyediaan maklumat dan bahan pameran,
- i. Membantu Pengurus Projek memastikan bahawa hasil projek adalah berkualiti dan memenuhi kehendak serta keperluan MDKP dan lain-lain jawatankuasa yang telah ditetapkan,
- j. Membantu Pengurus Projek menyedia dan menyelaraskan penyediaan *Geographic Information System (GIS)* dan Ringkasan Eksekutif,
- k. Perunding perlu menyediakan pelan-pelan semasa dan cadangan hendaklah di dalam bentuk *site specific*,
- l. Semua perkara di atas perlulah mendapat pertimbangan dan persetujuan daripada PPZU terlebih dahulu. Perunding juga perlu sentiasa memberi komitmen kepada PPZU berdasarkan kepada arahan yang akan dikeluarkan dari semasa ke semasa.



Bahagian 2

PERKHIDMATAN PERUNDING



1.0 OBJEKTIF PERLANTIKAN PERUNDING

Objektif perlantikan perunding bagi RT Daerah Kubang Pasu, Kedah 2035 (Penggantian) meliputi aspek berikut:-

- a. Menjalankan projek lapangan dan analisis persekitaran dalam bidang-bidang yang berkaitan dengan kepakaran perunding,
- b. Menentukan sasaran dan formulasi strategi ke arah penyelesaian masalah dan pencapaian visi pembangunan,
- c. Mencadangkan inisiatif, cadangan dan rekabentuk kepada agensi pelaksana ke arah pencapaian sasaran di bawah setiap strategi yang digariskan,
- d. Mendokumentasikan output-output projek dan cadangan di dalam satu peta cadangan yang komprehensif dan berdayalaksana,
- e. Memastikan dengan terperinci isu, masalah dan potensi yang ada di kawasan projek serta menggariskan alternatif-alternatif yang perlu dilakukan bagi menyelesaikan isu dan masalah tersebut dalam bentuk program, indikator, andaian seperti dalam kaedah LFA, dan
- f. Menyediakan pelan-pelan semasa dan cadangan di dalam bentuk *site specific* bagi memastikan bahawa hasil projek adalah berkualiti dan memenuhi kehendak serta keperluan MDKP sebagai PBPT.

2.0 SKOP PERKHIDMATAN PERUNDING

Projek RT Daerah Kubang Pasu, Kedah 2035 (Penggantian) melibatkan aspek Perancangan Bandar dan Desa dan umumnya dikategorikan sebagai Projek Fizikal. Skop perkhidmatan Perunding merangkumi aspek berikut:-

- a. **PERANCANGAN FIZIKAL, GUNATANAH DAN GEOGRAPHIC INFORMATION SYSTEM (GIS) (Ketua Perunding),**
- b. **PENDUDUK, SOSIO EKONOMI DAN MODAL INSAN,**
- c. **PERSPEKTIF MAKRO DAN PEMBANGUNAN KAWASAN BERSEMPADAN**
- d. **PERTANIAN, PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN,**
- e. **INFRASTRUKTUR DAN UTILITI,**
- f. **REKABENTUK BANDAR, PELANCONGAN, REKREASI DAN LANDSKAP,**
- g. **ALAM SEKITAR DAN KAWASAN SENSITIF ALAM SEKITAR (KSAS),**
- h. **PENGANGKUTAN DAN LALULINTAS,**
- i. **PERUMAHAN, KEMUDAHAN MASYARAKAT DAN INSTITUSI**
- j. **PENGURUSAN DAN PERLAKSANAAN**

**Sebahagian Sektor Perancangan Fizikal dan Gunatanah yang meliputi penyediaan Peta Asas, Pelan Gunatanah Semasa dan Pelan Komited akan disediakan oleh PPZU selaku Pasukan Teras. Di samping itu, Pasukan Teras juga akan menyediakan Sektor Penilaian Kemampunan.*

Jadual 2.1: Skop Perkhidmatan Perunding Bagi RT Daerah Kubang Pasu, Kedah 2035 (Penggantian)

a. PERANCANGAN FIZIKAL, GUNATANAH DAN GEOGRAPHIC INFORMATION SYSTEM (GIS)

BIL.	BIDANG PROJEK	SKOP UMUM PROJEK	SKOP KHUSUS PROJEK	OUTPUT UTAMA BIDANG
1.	Perancangan Fizikal, Gunatanah & GIS	- Mengemaskini data gunatanah semasa - Menganalisis trend, corak dan taburan jenis-jenis guna tanah, - Mengkaji dan menganalisis topografi dan untuk mengenalpasti kawasan berhalangan dan berpotensi untuk pembangunan, - Mengenalpasti sempadan bandar dan desa yang berpotensi dibangunkan sehingga 2035, - Mengenalpasti masalah dan prospek berkaitan gunatanah dan juga pencapaian cadangan gunatanah RT semasa, - Membuat unjuran keperluan guna tanah utama sehingga tahun 2035 termasuk penyelarasan dengan RT semasa, dan - Mengemaskini data gunatanah menggunakan aplikasi GIS mengikut metadata i-Plan	- Menilai pencapaian gunatanah semasa dengan gunatanah semasa tahun 2015, pencapaian Peta Cadangan RT Daerah Kubang Pasu 2020; - Isu pembangunan bersempadan PBT dan Daerah seperti Kota Setar, Pokok Sena, Padang Terap, Negeri Perlis dan Selatan Thailand. - Penyelarasan pangkalan data dari MDKP, JPBD Negeri Kedah, BMGN dan Jabatan /Agensi untuk membentuk Pelan Gunatanah semasa yang dikemaskini dan lebih lengkap.	- Pelan Susunatur, Pelan Taburan Gunatanah (Semasa, Komited & Cadangan Kawasan Baru) - Peta Indeks & Jadual Kelas Kegunaan Tanah - Pelan status pemilikan tanah - Pelan kesediaan tanah untuk pembangunan - Isu dan masalah

Sambungan.....

BIL.	BIDANG PROJEK	SKOP UMUM PROJEK	SKOP KHUSUS PROJEK	OUTPUT UTAMA BIDANG
1.	Perancangan Fizikal, Gunatanah & GIS	- Menjalankan analisis dan unjuran seperti ; ✓ Mengenalpasti lokasi sesuai untuk kemudahan masyarakat ✓ Analisis kemudahsampaian ✓ Menjalankan analisis <i>land availability and land suitability</i> (analisis kesediaan dan kesesuaian tanah) - Membantu perunding melalui penggunaan GIS terhadap cadangan sektoral. - Mengintegrasikan penyediaan Pelan Cadangan Gunatanah dengan perisian GIS	- Membentuk dan membangunkan maklumat Rancangan Tempatan berasaskan perisian GIS - Membentuk sistem GIS berpandukan Manual Pengurusan Data Geospacial Kajian Rancangan Pemajuan (2012) yang dikeluarkan oleh JPBD SM	- Sistem Maklumat Geografi RT yang mesra pengguna - Sistem Maklumat Geografi RT yang boleh diintegrasikan dengan Sistem Maklumat Gunatanah i-Plan yang disediakan JPBD SM

b. PENDUDUK, SOSIO EKONOMI DAN MODAL INSAN

BIL.	BIDANG PROJEK	SKOP UMUM PROJEK	SKOP KHUSUS PROJEK	OUTPUT UTAMA BIDANG
2.	Penduduk, Sosio Ekonomi dan Modal Insan	- Mengkaji profil penduduk semasa mengikut umur, etnik, dan mengikut mukim di kawasan projek, - Menilai pencapaian unjuran RT semasa dan membuat unjuran penduduk dan guna tenaga sehingga tahun 2035, - Mengenalpasti isu dan prospek ekonomi dan modal insan untuk menyokong pembangunan ekonomi dan juga penyediaan kemudahan awam dan asas.	- Mengkaji potensi Daerah Kubang sebagai kawasan tumpuan penduduk memandangkan perannya sebagai Hub Ilmu / Institusi yang bersempadan dengan Bandaraya Alor Setar. - Meninjau Prospek ekonomi dan modal insan untuk menyokong pembangunan ekonomi daerah Kubang Pasu.	Asas ekonomi dan unjuran pekerjaan serta prospek pekerjaan kawasan projek.

c. PERSPEKTIF MAKRO DAN PEMBANGUNAN KAWASAN BERSEMPADAN

BIL.	BIDANG PROJEK	SKOP UMUM PROJEK	SKOP KHUSUS PROJEK	OUTPUT UTAMA BIDANG
3.	Perspektif Makro dan Pembangunan Kawasan Bersempadan	- Projek potensi perletakan dan pelaksanaan dasar di peringkat Negara dan Negeri Kedah, - Menentukan arah tuju yang selaras dengan persekitarannya, - Menyelaras pembangunan wilayah melibatkan perancangan wilayah termasuk NCIA & IMT-GT, dan - Isu dan Potensi pembangunan bandar bersempadan.	- Pengenalpastian Kubang Pasu sebagai bandar sokongan kepada Ibu Negeri Kedah (Bandaraya Alor Setar) selaras dengan perannya Sebagai hub Ilmu di Wilayah Utara. - Menilai fungsi dan peranan pusat –pusat petempatan utama seperti Jitra, Kepala Batas, Kodiang, Bukit Kayu Hitam, Changloon, Air Hitam dan Tunjang dalam memastikan keseimbangan pembangunan dalam daerah.	- Prospek dan teras pembangunan semasa - Arah tuju pembangunan spatial

d. PERTANIAN, PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN

BIL.	BIDANG PROJEK	SKOP UMUM PROJEK	SKOP KHUSUS PROJEK	OUTPUT UTAMA BIDANG
4.	Pertanian, Perdagangan dan Perindustrian	Pertanian - Menganalisis isu/masalah dan prospek pertanian/peternakan/perikanan, - Mengemukakan cadangan memajukan sektor pertanian/ peternakan dan - Mengenalpasti potensi pembangunan kawasan pertanian daerah. Perdagangan - Menganalisis jenis, trend dan stok serta corak aktiviti perdagangan semasa, - Menganalisis isu/masalah dan prospek perniagaan, - Mengemukakan cadangan strategi bagi mengatasi isu/masalah yang dikenalpasti, dan - Mengkaji prospek <i>Central Business District</i> (CBD) sedia ada. Perindustrian - Menganalisis isu/masalah dan dan prospek pembangunan industri di kawasan projek termasuk rantai industri dari pembangunan industri berimpak tinggi daerah bersempadan dan Negara jiran, dan - Mencadangkan cara-cara mengatasi dan lain-lain cadangan penambahbaikan kepada pembangunan industri dengan mengambil kira aspek alam sekitar.	Pertanian - Sumbangan dan potensi pertanian, perikanan (akuakultur) dan peternakan terhadap ekonomi Daerah Kubang Pasu - Piawaian/ garis panduan semasa bagi pertanian, peternakan dan perikanan. - Mengenalpasti keperluan pusat penyelidikan berkaitan pertanian di Daerah Kubang Pasu. Perdagangan - Analisis penawaran ruang lantai. Jenis perniagaan dan lokasi berbanding dengan permintaan semasa, - Analisis penglibatan bumiputera dalam sektor perniagaan Analisis keperluan bagi meningkatkan <i>Central Business District</i> (CBD) sedia ada. - Analisis keperluan bagi aktiviti perniagaan berasaskan hypermarket. Perindustrian - Tren, taburan, jenis dan arah perkembangan perindustrian semasa, - Kawasan Perindustrian Bukit Kayu Hitam sebagai hub industri Daerah Kubang Pasu.	- Pelan taburan kawasan perdagangan , dan perindustrian. - Keperluan ruang lantai - Pelan kawasan pertanian, perikanan dan peternakan sedia ada - Pelan kesesuaian tanaman mengikut jenis tanah dan kelas kegunaan tanah - Isu dan prospek - Pelan Subjek - Pelan Sisip

Sambungan..

BIL.	BIDANG PROJEK	SKOP UMUM PROJEK	SKOP KHUSUS PROJEK	OUTPUT UTAMA BIDANG
			- Industri hiliran dan rangkaian industri sokongan bagi Daerah Kubang Pasu - Taburan industri yang menimbulkan masalah pencemaran/ merbahaya dan toksik. - Cadangan strategik dan insentif bagi menarik pelabur ke kawasan perindustrian Bukit Kayu Hitam.	

e. INFRASTRUKTUR DAN UTILITI

BIL.	BIDANG PROJEK	SKOP UMUM PROJEK	SKOP KHUSUS PROJEK	OUTPUT UTAMA BIDANG
5.	Infrastruktur dan Utiliti	Perparitan dan Saliran - Menyelaras Projek Pelan Induk MSMA dan langkah pelaksanaan di kawasan tepubina, - Mengkaji dan mencadangkan jaringan sistem perparitan dan saliran termasuk kawasan tadahannya dan menganalisis keupayaan sistem sedia ada, - Mengenalpasti kawasan berpotensi dan telah menghadapi masalah banjir dan puncanya,	- Penambahbaikan kawasan banjir dan berkemungkinan banjir; - Pelaksanaan Inisiatif dan Teknologi Hijau. - Keperluan penyediaan Projek Terperinci Infrastruktur dan Utiliti di Daerah Kubang Pasu.	- Pelan Subjek - Pelan Sisip - Pelan Pembangunan Infrastruktur dan Utiliti - Pelan kawasan tebatan banjir. - Pelan sistem saliran semulajadi dan perparitan sedia ada.

Sambungan.....

BIL.	BIDANG PROJEK	SKOP UMUM PROJEK	SKOP KHUSUS PROJEK	OUTPUT UTAMA BIDANG
		- Mengkaji isu/masalah berkaitan sistem perparitan dan saliran, dan - Mengemukakan cadangan bagi mengatasi/mengurangi isu yang dikenalpasti. Sistem Pembetulan - Mengkaji sistem pembetulan sedia ada, dan - Mengemukakan cadangan bagi mengatasi/mengurangi isu yang dikenalpasti. Pelupusan Sisa Pepejal - Menganalisis isu/masalah perletakan tapak-tapak pelupusan, - Membuat unjuran penjanaan sisa pepejal sehingga tahun 2035, - Mengunjurkan jumlah tapak pelupusan serta lokasi, dan kaedah pelupusan masa hadapan selaras dengan keperluan pembangunan mampan, dan - Penentuan lokasi tapak pelupusan sampah yang baru. Utiliti & ICT - Menganalisis tahap keupayaan semasa bagi kemudahan utiliti (bekalan air, gas, elektrik dan telekomunikasi) berbanding dengan permintaan/bilangan penduduk, - Menganalisis isu/masalah berkaitan air, gas, elektrik dan telekomunikasi dan mengemukakan cadangan bagi mengatasinya, dan - Membuat unjuran keperluan air, gas, elektrik, telekomunikasi dan ICT sehingga tahun 2035.		

f. REKABENTUK BANDAR, PELANCONGAN, REKREASI DAN LANSKAP

BIL.	BIDANG PROJEK	SKOP UMUM PROJEK	SKOP KHUSUS PROJEK	OUTPUT UTAMA BIDANG
6.	Rekabentuk Bandar, Pelancongan, Rekreasi dan Lanskap	Rekabentuk Bandar - Menyelaras projek-projek perancangan yang telah dijalankan dalam RT terdahulu berkaitan Rekabentuk Bandar, dan - Projek 'skyline' dan mewujudkan "sense of Welcoming" di Pekan-pekan Utama yang menjadi pintu masuk ke daerah Kubang Pasu Pelancongan - Menyelaras projek-projek perancangan yang telah dijalankan dalam RT terdahulu, - Mengkaji dan menganalisis trend, corak, taburan sumber-sumber pelancongan di kawasan projek, - Menilai tahap kemudahan sokongan pelancongan semasa seperti kemudahan infrastruktur, pengangkutan dan lain-lain, - Mengenalpasti isu/masalah dan prospek pelancongan, - Menilai pencapaian projek-projek pelancongan yang telah dijalankan dan mencadangkan projek-projek yang berdaya laksana, - Mengkaji unjuran jumlah dan trend ketibaan pelancong, dan - Mengemukakan cadangan strategi bagi memajukan sektor pelancongan	Rekabentuk Bandar Projek bagi cadangan pengukuhan identiti dan karektor Bandar Jitra, Pekan Kepala Batas, Kodiang, Bukit Kayu Hitam, Changloon, Ayer Hitam dan Tunjang. Pelancongan - Potensi Bukit Kayu Hitam sebagai Bandar Pelancongan Sempadan. - Pelancongan berasaskan sejarah seperti tapak arkeologi di Gua Kerbau, Gua Pasir dan Gua Berhala perlu dikaji. - Pelancongan berasaskan alam semulajadi seperti di Hutan Lipur Bukit Wang.	- Pelan Subjek - Pelan Sisip - Pelan Reka Bentuk Bandar - Cadangan Aspek Pemeliharaan Dan Pemuliharaan - Pelan Pembangunan Pelancongan (Lokasi, Produk, Sumber Sedia Ada Dan Masa Hadapan) - Pelan taburan pusat tarikan pelancongan - Strategi pemasaran sektor pelancongan - Program promosi pelancongan Daerah Kubang Pasu.

Sambungan.....

BIL.	BIDANG PROJEK	SKOP UMUM PROJEK	SKOP KHUSUS PROJEK	OUTPUT UTAMA BIDANG
6.	Rekabentuk Bandar, Pelancongan ,Rekreasi dan Lanskap	- Menganalisis kemudahan rekreasi sedia ada dan mengenalpasti isu/masalah berkaitan rekreasi, - Mengemukakan cadangan hierarki kawasan rekreasi/taman, - Mengemukakan cadangan bagi mempertingkatkan kemudahan rekreasi, - Mengkaji keperluan penyediaan Pelan Induk Landskap Daerah Kubang Pasu dan menilai pencapaian projek-projek landskap dan mencadangkan pembangunan projek-projek landskap yang berdaya laksana, dan - Unjuran keperluan kemudahan rekreasi dan landskap daerah.	- Cadangan aktiviti rekreasi mengikut potensi - potensi sedia ada bagi Bandar Jitra, Pekan Kepala Batas, Kodiang, Bukit Kayu Hitam, Changloon, Ayer Hitam dan Tunjang. - Penyediaan Pelan Induk Landskap Daerah Kubang Pasu.	- Pelan Subjek - Pelan Sisip - Pelan Pembangunan Rekreasi/Landskap (Lokasi, sumber sedia ada dan cadangan masa hadapan)

g. ALAM SEKITAR DAN KAWASAN SENSITIF ALAM SEKITAR (KSAS)

BIL.	BIDANG PROJEK	SKOP UMUM PROJEK	SKOP KHUSUS PROJEK	OUTPUT UTAMA BIDANG
7.	Alam Sekitar dan KSAS	- Menganalisis kualiti alam sekitar semasa yang meliputi kualiti udara, air dan aras bising, - Mengenalpasti kawasan sensitif alam sekitar (KSAS) dan kawasan tanaman padi yang berpotensi dipelihara dan dibangunkan, - Mengkaji sumber semulajadi (air, hutan, kawasan bukit, kawasan tadahan air dan lain-lain) serta mengenalpasti isu dan halangan terhadap kegunaan dan pemeliharaan sumber-sumber tersebut, - Mengenalpasti isu/konflik di antara alam sekitar dan kegunaan tanah masa kini dan mengemukakan cadangan bagi mengatasinya bagi mewujudkan pembangunan mampan, - Mencadangkan langkah pemuliharaan alam sekitar di dalam Peta Pengezonan.	- Penentuan Kawasan-kawasan tadahan air yang terletak dalam kawasan hutan simpan. - Projek penyediaan stesen persampelan dan pengurusan kualiti air di lokasi-lokasi yang sesuai. - Penentuan KSAS yang melibatkan kawasan hutan simpan Wang Perah, hutan Lipur Bukit Wang dan kawasan hutan lain di Sungai Badak, Bukit Perangin, Bukit Wang dan Bukit Payung. Kawasan berbukit / tanah tinggi seperti Bukit Koh Moi , Bukit Perangin , Bukit Tunjang dan Bukit Kepelu. Kawasan tadahan air dan tapak warisan. - Projek terperinci bagi kawasan berisiko banjir seperti Sg.Temin.	- Pelan taburan hutan dan prospek perhutanan - Pelan Tindakan KSAS - Pelan Kawasan Bermasalah Alam Sekitar - Pelan Cadangan Pembangunan Alam Sekitar dan KSAS.

h. PENGANGKUTAN DAN PENGURUSAN LALULINTAS

BIL.	BIDANG PROJEK	SKOP UMUM PROJEK	SKOP KHUSUS PROJEK	OUTPUT UTAMA BIDANG
8.	Pengangkutan dan Pengurusan Lalulintas	- Mengkaji isu/masalah jalan raya di kawasan projek khususnya perhubungan dengan pekan-pekan di dalam daerah dan luar daerah serta negara jiran, - Mengkaji kemudahan perhubungan dan pengangkutan awam, - Jaringan jalan mengikut hierarki dan keupayaan serta kemudahan-kemudahan sokongan yang disediakan (seperti laluan pejalan kaki, tempat letak kereta), - Mencadangkan rangkaian jalan 66' dan ke atas di dalam Pelan Guna Tanah, - Mengkaji keupayaan pengangkutan awam dalam memenuhi keperluan penduduk, - Menganalisis isu/masalah dan prospek berkaitan perhubungan dan pengangkutan awam dan mengemukakan cadangan strategi bagi mengatasinya termasuk menyediakan Pelan Bersepadu Pengangkutan Awam, dan - Mengunjurkan isipadu lalulintas jalan utama daerah sehingga tahun 2035 dan langkah mengatasi kesesakan lalulintas.	<i>Potential traffic generated</i> - Kawasan sesak yang memerlukan pembaikan - Keperluan simpanan jalan dan cadangan rizab jalan. - Meninjau potensi Cadangan <i>Transit Oriented Development</i> (TOD).	- Pelan Subjek - Pelan Sisip - Pelan Jaringan Sistem Pengangkutan Semasa/Komited - Pelan Pengurusan Lalu Lintas - Pelan Perkhidmatan Pengangkutan Awam Bersepadu

i. PERUMAHAN, KEMUDAHAN MASYARAKAT DAN INSTITUSI

BIL.	BIDANG PROJEK	SKOP UMUM PROJEK	SKOP KHUSUS PROJEK	OUTPUT UTAMA BIDANG
9.	Perumahan, Kemudahan Masyarakat dan Institusi	- Mengkaji dan menganalisis taburan stok dan jenis perumahan sedia ada, - Mengenalpasti dan menganalisis isu-isu permasalahan dan prospek berkaitan perumahan, - Membuat unjuran keperluan perumahan rumah mengikut kategori iaitu kos rendah, kos sederhana / mampu milik dan kos tinggi (unjuran kategori rumah berdasarkan unjuran pendapatan penduduk), dan - Merangka dasar dan strategi pembangunan rumah mampu milik dan mengenalpasti lokasi-lokasi dan langkah – langkah membangunkannya.	- Merangka strategi dan cadangan pembangunan rumah mampu milik, - Pengenalpastian lokasi-lokasi pembangunannya; - Pelaksanaan Inisiatif Hijau dan - Mengkaji pembangunan perumahan berdensiti tinggi.	- Pelan Subjek - Pelan Sisip - Pelan kawasan potensi pembangunan perumahan - Cadangan bagi meningkatkan penawaran perumahan mengikut kategori dan lokasi - Isu dan masalah

Sambungan.....

BIL.	BIDANG PROJEK	SKOP UMUM PROJEK	SKOP KHUSUS PROJEK	OUTPUT UTAMA BIDANG
9.	Perumahan, Kemudahan Masyarakat Dan Institusi	- Menyediakan inventori kemudahan masyarakat sedia ada mengikut bilangan, taburan dan hierarki petempatan, - Menganalisis penawaran kemudahan masyarakat dan institusi berdasarkan keperluan penduduk, - Menganalisis isu/masalah berkaitan kemudahan masyarakat dan institusi, - Membuat unjuran keperluan kemudahan masyarakat dan institusi sehingga tahun 2035, dan - Mengemukakan cadangan strategi bagi mengatasi isu dan masalah yang dikenalpasti.	- Mengenalpasti keutamaan penyediaan Kemudahan Masyarakat mengikut pusat-pusat petempatan utama - Meninjau potensi pembangunan Institusi di kawasan-kawasan pembangunan baharu / bersempadan negeri atau daerah	- Pelan Subjek - Pelan Sisip - Unjuran kemudahan mengikut kategori, keperluan dan keluasan - Senarai kemudahan masyarakat yang segera untuk disediakan Outcome Mematuhi 100 % piawaian penyediaan kemudahan masyarakat dan institusi sepertimana garis panduan JPBD.

j. PENGURUSAN DAN PERLAKSANAAN

BIL.	BIDANG PROJEK	SKOP UMUM PROJEK	SKOP KHUSUS PROJEK	OUTPUT UTAMA BIDANG
10.	Pengurusan Dan Pelaksanaan	- Mengemukakan senarai cadangan projek pembangunan utama merangkumi kos projek, agensi pelaksana, kaedah pelaksanaan, fasa pembangunan dan menjana Growth National Income (GNI), - Mengkaji dan menilai sistem dan keupayaan jentera pentadbiran MDPK serta sumber tenaga yang terlibat dalam perancangan pelaksanaan dan pemantauan pembangunan projek, - Mengemukakan cadangan bagi meningkatkan kapasiti MDPK dalam merancang, melaksana dan memantau pembangunan projek, - Menyediakan senarai <i>Development Facilitation</i> khusus bagi Jabatan / Agensi Kerajaan yang terlibat di dalam melaksanakan RT. Ini termasuk juga menyediakan Ringkasan Projek (<i>Project Brief</i>) bagi projek-projek untuk digunakan oleh Jabatan / Agensi Kerajaan dalam permohonan projek Rancangan Malaysia Lima Tahun. - Mengemukakan indikator untuk projek (KPI) Pemantauan dan Penilaian Outcome RT	- Cadangan pengukuhan struktur organisasi Perancangan dan Pembangunan Daerah. - Jadual keutamaan projek, kos dan agensi pelaksana. - Mewujudkan Mekanisma Pemantauan dan Penilaian <i>Outcome</i> RT	- Senarai cadangan projek pembangunan utama - Mengemukakan cadangan bagi meningkatkan kapasiti Majlis Daerah Kubang Pasu - Menyediakan Senarai <i>Development Facilitation</i> khusus bagi Jabatan / Agensi Kerajaan yang terlibat di dalam melaksanakan RT.

Nota: i. **Perunding bertanggungjawab mencadangkan pendekatan dan metodologi bagi menghasilkan output** termasuk carta organisasi pasukan perunding, peranan dan tanggungjawab setiap ahli pasukan serta jadual pelaksanaan projek berdasarkan objektif projek yang telah digariskan.

ii. **Bidang dan skop projek tidak hanya terhad kepada yang disenaraikan sahaja.** Sekiranya terdapat penambahan komponen dalam skop projek semasa proses penyediaan Projek RT Daerah Kubang Pasu, Kedah 2035 (Penggantian), Perunding perlu memasukkan penambahan tersebut.

3.0 TEMPOH PERKHIDMATAN PERUNDING

Penetapan tempoh perkhidmatan perunding adalah berdasarkan kepada Jadual Pelaksanaan Projek yang telah disediakan dan tertakluk kepada skop dan bidang perkhidmatan yang berkaitan. Bagi RT Daerah Kubang Pasu, Kedah 2035 (Penggantian) ini, tempoh perkhidmatan perunding bermula daripada perantian pada Mac 2017 sehingga Laporan Rancangan Tempatan Daerah Kubang Pasu, Kedah 2035 (Penggantian) diterima dan dipersetujui oleh *Stakeholders* dan Kerajaan Negeri Kedah sekitar November 2017 iaitu selama 8 bulan.

4.0 KOS PERKHIDMATAN PERUNDING

4.1 KAEDAH PENETAPAN KOS PERKHIDMATAN PERUNDING

Kaedah penetapan yuran perunding bagi RT Daerah Kubang Pasu, Kedah 2035 (Penggantian) adalah berdasarkan input masa (*man – month*).

4.2 JADUAL PEMBAYARAN PERUNDING

Bayaran perkhidmatan perunding hendaklah mengikut peringkat-peringkat kemajuan kerja tertakluk kepada laporan yang dikemukakan oleh perunding bagi RT Daerah Kubang Pasu, Kedah 2035 (Penggantian) dan dipersetujui oleh pasukan teras. Peratus dan perakuan kelulusan pembayaran mengikut peringkat penyediaan Laporan adalah seperti di Jadual 4.1.

Jadual 4.1 : Anggaran Peringkat Pembayaran Input Perunding

Laporan	Jangka Masa	Peratus Pembayaran	Kelulusan Bayaran
Laporan Pendekatan	1 Bulan (4 Minggu)	25%	Selepas serahan laporan
Laporan Analisis dan Strategi Pembangunan	3 Bulan (12 Minggu)	25%	JK Penyelarasan Teknikal
Laporan Draf Awal RT	3 Bulan (12 Minggu)	25%	JK Penyelarasan Teknikal
Laporan Draf RT	1 Bulan (4 Minggu)	15%	JK Pasukan Kajian
Bayaran Akhir	-	10%	Selepas serahan laporan pindaan

Nota :

- Pembayaran Laporan Pendekatan boleh dibuat setelah penerimaan Laporan dari pihak Perunding*
- Pembayaran Laporan-laporan lain hanya boleh dibuat setelah mendapat kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Teknikal*

5.0 OUTPUT PERKHIDMATAN PERUNDING

Pihak perunding dikehendaki menyediakan laporan seperti berikut bagi penyediaan RT Daerah Kubang Pasu, Kedah 2035 (Penggantian) :-

- a. Laporan Pendekatan (LP),
- b. Laporan Analisis dan Strategi Pembangunan (LASP),
- c. Laporan Draf RT Daerah Kubang Pasu, Kedah 2035 (Penggantian)
- d. Laporan Akhir Draf RT Daerah Kubang Pasu, Kedah 2035 (Penggantian), dan
- e. Ringkasan Eksekutif
 - i. Versi Bahasa Malaysia (100 salinan)
 - ii. Versi Bahasa Inggeris (50 salinan) - *(jika diperlukan)*

6.0 MAKLUMAT KEPADA PERUNDING

Pihak Pasukan Teras akan menyediakan data-data atau maklumat –maklumat berkaitan bagi membantu Perunding memahami keperluan RT Daerah Kubang Pasu, Kedah 2035 (Penggantian). Namun demikian, Perunding perlu memastikan integriti dalam menjaga, mengawas dan mengawal semua rahsia Kerajaan selaras Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88). Antara maklumat adalah seperti berikut :-

- a. Pelan Asas Kadastral,
- b. Pelan Gunatanah Semasa,
- c. Laporan Publisiti Awal,
- d. Laporan Kajian Strategik yang berkaitan,
- e. Foto-foto gunatanah kawasan projek, dan
- e. Lain-lain maklumat/data berkaitan.

7.0 LAIN-LAIN KEPERLUAN PERUNDING

Selain daripada perkara-perkara yang disenaraikan di atas, Perunding dikehendaki untuk :-

- a. Memastikan kesemua pelan yang disediakan selaras dengan spesifikasi Pangkalan Data JPBD / I-Plan yang terkini,
- b. Mendokumentasi dan menyerahkan kesemua hasil projek termasuk maklumat dikumpulkan semasa projek lapangan kepada pasukan teras,
- c. Melibatkan diri dalam sesi penglibatam awam bersama 'stakeholder' dan kumpulan sasaran,
- d. Tuntutan imbuhan balik Perunding hendaklah dibuat bersama-sama tuntutan yuran perunding mengikut peringkat projek,
- e. Perunding perlu membentangkan hasil projek kepada pasukan teras, Jawatankuasa Penyelarasan Teknikal (JPT), Pihak Berkuasa Perancang Tempatan (PBPT) dan Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN) dari masa ke semasa seperti yang diarahkan oleh pasukan teras,

- f. Perunding dikehendaki menyediakan format setiap laporan yang perlu disediakan, menyemak dan menyelaraskan setiap laporan bagi memastikan wujud keseragaman dari segi persembahan di dalam setiap laporan,
- g. Perunding perlu bertanggungjawab untuk membuat semua pindaan ke atas Laporan Pendekatan, Laporan Analisis dan Strategi Pembangunan dan Draf Rancangan Tempatan selaras dengan ulasan Pasukan Teras, Jawatankuasa Penyelarasan Teknikal (JPT) dan Mesyuarat Majlis Penuh MDKP,
- h. Perunding hendaklah berkerjasama dengan pasukan teras di sepanjang tempoh projek ini berjalan bagi membolehkan pemindahan pengetahuan, pengalaman, kepakaran dan teknologi dilakukan,
- i. Segala surat-menyurat di antara Perunding dengan mana-mana pihak yang berkaitan dengan projek ini perlu mendapatkan persetujuan daripada pasukan teras terlebih dahulu dan dibuat salinan kepada pasukan teras untuk makluman, rekod atau tindakan susulan yang sewajarnya,
- j. Laporan-laporan yang dikemukakan oleh Perunding hendaklah di dalam bentuk yang lengkap dan tidak terdapat kesilapan seperti editorial ejaan, teknikal dan sebagainya. Kos pencetakan tambahan kerana kesilapan Perunding perlu ditanggung oleh Perunding sendiri,
- k. Semua data, maklumat, laporan, pelan dan segala bahan yang dikumpulkan untuk projek ini samada bahan cetak atau digital hendaklah digunakan untuk projek ini semata-mata dan perlu diserahkan kepada pasukan teras setelah projek ini selesai dijalankan kerana ia adalah hak milik Kerajaan Malaysia,
- l. **Extention of Time (EOT).** Sekiranya berlaku kelewatan di pihak Perunding di dalam menepati jadual kerja projek yang telah ditetapkan, maka Perunding perlu mengemukakan EOT dalam tempoh dua (2) minggu sebelum tamat sesuatu tempoh yang telah ditetapkan untuk kelulusan Pasukan Teras, bagi permohonan EOT untuk perlanjutan tempoh projek yang perlu kepada kelulusan Lembaga Perolehan KPKT, Perunding perlu mengemukakan permohonan dalam tempoh dua (2) bulan sebelum tamat tempoh projek,
- m. **Pemindahan Kepakaran/Pengetahuan (TOT).** Perunding hendaklah bekerjasama dengan Pasukan Projek di sepanjang tempoh projek berjalan bagi membolehkan pemindahan pengetahuan, pengalaman, kepakaran dan teknologi,
- n. **Kerahsiaan (OSA).** Perunding hendaklah menjaga, mengawas dan mengawal semua rahsia Kerajaan selaras dengan Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88), dan
- o. **Liquidated and Ascertained Damages (LAD).** LAD atau **Kelewatan Penyerahan Laporan** akan dimasukkan dalam Dokumen Perjanjian yang boleh dikenakan kepada Perunding sekiranya melibatkan penyerahan laporan mengikut tempoh akhir yang telah dipersetujui bersama.